

PERSEPSI DAN REALITI

# HAK AWAM & PERIBADI PEREMPUAN MUSLIM DI MALAYSIA

Hasil Dapatan Daripada  
Tinjauan Mengenai Realiti  
Perempuan Muslim di Malaysia



سکتسرز ان کلشم

Empowering Voices For Change



This project is funded by the  
European Union



PERSEPSI DAN REALITI  
**HAK AWAM DAN PERIBADI PEREMPUAN MUSLIM DI MALAYSIA**  
Hasil Dapatan Daripada Tinjauan Mengenai Realiti Perempuan Muslim Di Malaysia

---

Edisi Pertama 2019  
Edisi Terjemahan 2023  
© Sisters in Islam  
e ISBN: 978-983-2622-58-1

**SIDANG PENERBITAN**

PENULIS  
Shareena Sheriff  
Wan Nuradiah Wan Mohd Rani  
Nur Azmizatun Nadihan Mohamed

PENTERJEMAH  
Zed Adam Idris

PENYUNTING  
Ridzwan Othman  
Ahmad Muziru Idham (versi terjemahan)

PENYUNTING KANDUNGAN  
Sisters in Islam

REKA LETAK  
Printzilla House

KREDIT FOTO  
Printzilla House

DICETAK DI MALAYSIA OLEH  
Printzilla House

**DITERBITKAN OLEH**

Sisters in Islam (SIS)  
No. 4, Lorong 11/8E, 46200 Petaling Jaya,  
Selangor Darul Ehsan, Malaysia  
Tel: +603 7960 3357 | 7960 5121 | 7960 6733  
Faks: +603 7960 8737  
E-mel: sis@sistersinislam.org.my  
Laman web: www.sistersinislam.org  
Facebook: Sisters in Islam/@OFFICIALSIS  
X: @SistersInIslam  
YouTube: youtube.com/SistersInIslamMYS

# KANDUNGAN

PENGHARGAAN

SENARAI RAJAH DAN JADUAL

PESANAN DARIPADA PENGARAH  
EKSEKUTIF SISTERS IN ISLAM

RINGKASAN DAPATAN

<b>01</b>	PENGENALAN
<b>04</b>	REKA BENTUK PENYELIDIKAN
<b>08</b>	APA ITU KESAKSAMAAN?
<b>15</b>	IMEJ PEREMPUAN MUSLIM YANG DIGAMBARKAN DI MALAYSIA
<b>19</b>	SUMBER PENGETAHUAN AGAMA
<b>22</b>	KETAATAN SEBAGAI KEWAJIPAN UTAMA PEREMPUAN MUSLIM
<b>28</b>	TOPIK-TOPIK TERPILIH
<b>37</b>	KESIMPULAN

## NOTIS PENAFIAN

Sebarang teks penerbitan ini dibenarkan untuk disalin, diterbitkan semula, disimpan dalam sistem perolehan, dimuat turun, atau dihantar dalam sebarang bentuk melalui apa jua cara, atau disesuaikan dan diterjemahkan untuk memenuhi keperluan setempat hanya untuk tujuan bukan komersil dan bukan berasaskan keuntungan. Walau bagaimanapun, hak cipta imej yang digunakan masih kepunyaan pemegang hak cipta masing-masing. Semua bentuk salinan, penerbitan, penyesuaian, dan terjemahan secara mekanikal, elektrik, atau elektronik harus menyatakan Sisters in Islam sebagai sumber rujukan. Salinan naskhah, penyesuaian atau terjemahan yang telah dibuat hendaklah dihantar kepada Sisters in Islam. Dalam kes penggunaan komersil, keizinan harus diperolehi terlebih dahulu daripada Sisters in Islam. Sila email kami di [sis@sistersinislam.org.my](mailto:sis@sistersinislam.org.my) untuk tujuan ini.

# PENGHARGAAN

Sisters in Islam ingin merakam jutaan terima kasih kepada European Instrument for Democracy and Human Rights of the European Union (EIDHR) yang telah membiayai penerbitan, pengumpulan, dan analisis data untuk projek ini.

Penghargaan ini juga ditujukan kepada IPSOS di atas dedikasi dan ilitzam mereka terhadap projek ini. Terima kasih kepada pasukan IPSOS iaitu Anshuman Ray, Nik Tasha Nik Kamaruddin, Wan Nuradiah Wan Mohd Rani dan Nur Azmizatun Nadihan Mohamed di atas sumbangan mereka.

Kami juga ingin merakam penghargaan kepada semua responden yang telah menyertai penyelidikan ini, iaitu mereka yang telah terlibat dalam proses temubual dan mereka yang telah sudi berkongsi cerita mereka dengan kami. Sumbangan yang mereka berikan itu telah membantu kami untuk mendapatkan maklumat sehingga kami dapat menghasilkan satu laporan yang mencerminkan kehidupan sehari-hari perempuan Muslim.

Sisters in Islam juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Zainah Anwar, Datin Paduka Marina Mahathir, Profesor Norani Othman, Dr. Wan Zumusni Wan Mustapha, Dr. Rusaslina Idrus, Rozana Isa, Shareena Sheriff, kakitangan SIS dan semua pihak yang telah menyumbangkan masa, pengetahuan dan sokongan terhadap keseluruhan projek ini.

# SENARAI RAJAH DAN JADUAL

Senarai Rajah		M/Surat	Senarai Jadual		M/Surat
Rajah	Jadual				
1 Profil perempuan Muslim yang ditemubual - taburan geografi, umur, pendidikan dan pekerjaan	6		<b>Soalan:</b> Sila nyatakan jika anda bersetuju dengan kenyataan berikut. Adakah anda fikir hak-hak ini sedang dilaksanakan?	9	
2 Profil perempuan Muslim yang ditemubual - status perkahwinan, bilangan anak, keputusan untuk mempunyai anak	7		<b>Soalan:</b> Sila nyatakan perasaan anda jika amalan berikut boleh diterima atau tidak.	10	
3 <b>Soalan:</b> Apakah pendapat anda mengenai peranan perempuan dalam Islam?	23		<b>Soalan:</b> Adakah anda bersetuju dengan kenyataan berikut?	10	
4 <b>Soalan:</b> Siapakah pencari nafkah utama dalam keluarga anda?	26		<b>Soalan:</b> Apakah yang anda harapkan di dalam persekitaran yang ideal jika aturan Islam berkaitan layanan terhadap perempuan dipatuhi?	12	
5 <b>Soalan:</b> Adakah anda membenarkan suami atau bakal suami berkahwin dengan perempuan lain sekiranya dia boleh berlaku adil, baik dari segi kewangan mahupun emosi, kepada setiap isteri?	29		<b>Soalan:</b> Apa pandangan anda tentang realiti yang sedang anda hadapi sebagai seorang perempuan Muslim di Malaysia?	13	
6 <b>Soalan:</b> Apakah perkara yang boleh atau tidak boleh diterima untuk pasangan isteri dan suami Muslim?	30		<b>Soalan:</b> Dari mana anda mendengar/mengetahui/belajar mengenai agama? Adakah anda mempunyai orang tertentu yang dipercayai untuk mendapatkan pandangan berkenaan hal-hal keagamaan?	20	
7 <b>Soalan:</b> Apakah cabaran yang sering dihadapi oleh perempuan Muslim yang bekerja?	32		<b>Soalan:</b> Sila nyatakan jika anda bersetuju dengan kenyataan berikut	24	
8 <b>Soalan:</b> Apakah perkara yang dapat diperbaiki untuk menggalakkan kesaksamaan dalam kehidupan ibu-ibu Muslim?	33		<b>Soalan:</b> Apakah pandangan anda berkenaan hak-hak seorang wanita Muslim selepas berkahwin?	25	
9 <b>Soalan:</b> Apakah perkara yang anda rasakan dapat diperbaiki untuk menggalakkan kesaksamaan dalam kehidupan perempuan Muslim yang bekerja?	34		<b>Soalan:</b> Sila nyatakan jika anda bersetuju atau tidak untuk setiap kenyataan berikut.	29	
			<b>Soalan:</b> Apa pandangan anda tentang hak-hak wanita Muslim yang berkerjaya di Malaysia?	31	
			<b>Soalan:</b> Siapakah yang bertanggungjawab menjalankan kerja rumah di dalam rumah tangga anda?	33	
			<b>Soalan:</b> Sila nyatakan perasaan anda mengenai amalan berikut sama ada diterima atau tidak.	35	
			<b>Soalan:</b> Sila nyatakan perasaan anda mengenai amalan berikut sama ada diterima atau tidak.	35	

# **SEPATAH DUA KATA DARIPADA PENGARAH EKSEKUTIF SISTERS IN ISLAM**

Menjadi seorang perempuan pada abad ke 21 ini merupakan suatu perkara yang mengujakan kerana perempuan telah berjaya mengatasi pelbagai halangan dan cabaran, serta mencapai pelbagai kejayaan dan kecemerlangan sebagai pekerja, pemikir, dan pemimpin dalam bidang yang sebelum ini didominasi oleh golongan lelaki. Tetapi, semua ini hanyalah sekadar suatu permulaan, kerana masih banyak lagi cabaran yang sedang menanti di sepanjang perjalanan dalam merealisasikan potensi penuh kita. Idea mengenai kesaksamaan perempuan dan lelaki merupakan suatu perkara penting dalam perkembangan ini. Perempuan tidak mungkin akan dapat berdiri teguh pada hari ini tanpa kita mengiktiraf identiti diri mereka terlebih dahulu, dan memenuhi hak mereka sepenuhnya sebagai manusia yang memiliki nilai dan martabat yang sama seperti lelaki.

Perempuan memainkan peranan penting dalam keluarga dan komuniti kita selain berpengaruh dalam masyarakat, justeru tidak mungkin mereka boleh dipinggirkan daripada mana-mana ruang, awam dan peribadi ataupun aspek kehidupan moden. Ramai yang masih merasakan bahawa adalah mustahil untuk seorang perempuan memegang peranan atau jawatan tertentu. Namun, persoalan sama ada perempuan boleh atau patut mengambil peranan sekurang-kurangnya sedang dibincangkan dan diperdebatkan, sama ada untuk bersetuju ataupun tidak dengannya. Wacana ini sudah pun bermula.

Perempuan Muslim di Malaysia tidak terlepas daripada mengalami perkembangan yang mengujakan ini, mereka sudah bersedia untuk merangkul kemodenan dan bersedia menggapai impian mereka serta mengikut jejak langkah idola dan ikon mereka, serta mereka yang berpengaruh sama ada dalam kalangan kaum keluarga maupun sebaliknya. Namun begitu, kebanyakan perempuan masih tidak selesa hidup dalam ruang lingkup yang membataskan diri mereka, sebagaimana mereka berjuang untuk membina keseimbangan antara jati diri dan harapan yang diletakkan oleh keluarga dan masyarakat ke atas mereka.

\* Ia adalah cerita yang perlu didedahkan, dibentangkan, dan dibincangkan secara terbuka dan bersungguh-sungguh supaya realiti dan pengalaman hidup perempuan dapat didengari dan dihargai. Pandangan dan suara mereka mesti diberikan perhatian yang serius, dan segala perkara yang ada pada persekitaran mereka termasuklah undang-undang, polisi, dan amalan haruslah merespon dan menyokong pengalaman dan realiti mereka.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada pasukan Sisters in Islam dan IPSOS, dan merakamkan penghargaan saya terhadap sokongan yang diberikan oleh Kesatuan Eropah menerusi European Instrument for Democracy and Human Rights (EIDHR) yang menjadikan kajian penting ini satu kenyataan. Harapan kami adalah supaya kita semua bersama-sama berganding bahu untuk menyumbang lebih banyak perbincangan, kesedaran, penyelesaian, dan tindakan yang membolehkan perempuan Muslim di Malaysia mendapat tempat dan berada di kedudukan yang sewajarnya.

**ROZANA ISA**

# RINGKASAN DAPATAN

Objektif tinjauan ini adalah untuk mengupas pengalaman dan realiti yang dihadapi oleh perempuan Muslim Malaysia dalam menjalani kehidupan sehari-hari dan memainkan peranan sebagai anak perempuan, isteri, ibu, dan perempuan berkerjaya. Dapatan di bawah adalah hasil daripada maklum balas dan temubual yang telah dijalankan ke atas 675 orang perempuan di seluruh Malaysia. Hasil dapatan utama daripada tinjauan tersebut adalah seperti berikut:

## MAKNA KESAKSAMAAN

Bagi perempuan Muslim, kesaksamaan membawa maksud yang luas merangkumi layanan yang adil dan saksama tanpa mengira kaum, agama, gender, kadar pendapatan, status sosial atau latar belakang keluarga. Selain itu, aspek lain yang telah dikenalpasti adalah kesaksamaan dalam bidang pendidikan, pekerjaan serta hak untuk mengundi. Kesaksamaan antara kaum di Malaysia juga merupakan antara ciri lain yang turut diambil berat.

Kesaksamaan gender telah dikenalpasti dan diiktiraf terutamanya menerusi peranan perempuan di ruang awam (terutamanya di tempat kerja) berbanding di ruang peribadi (keluarga). Ketidakadilan gender lebih jelas dialami pada peringkat individu, di mana terdapatnya tekanan yang kuat untuk memenuhi harapan orang sekeliling. Sebagai seorang isteri, perempuan Muslim mengalami tahap ketidakadilan yang lebih besar berbanding dengan peranan mereka dalam ruang yang lain.

Konsep kesaksamaan gender selari dengan ajaran agama. Lelaki dan perempuan adalah saksama di sisi Tuhan. Namun begitu, ajaran agama boleh dipergunakan untuk memihak kepada lelaki sebagai gender yang dominan.

## IMEJ YANG MENGGAMBARKAN PEREMPUAN MUSLIM DI MALAYSIA

Ada satu persepsi yang dipercayai secara meluas oleh masyarakat bahawa perempuan perlu menggambarkan imej 'Perempuan Muslim sejati' bagi mengelakkan tanggapan negatif orang seperti ahli keluarga, sanak-saudara, jiran, rakan sekirana dan sebagainya. Namun begitu, tuntutan ini diletakkan hampir sepenuhnya ke atas perempuan Muslim sedangkan perkara yang sama tidak ditekankan kepada lelaki. Hal ini dilihat sebagai satu ketidakadilan kepada perempuan Muslim.

Perempuan Muslim mahu diberikan kebebasan yang sama seperti lelaki apabila mereka melakukan kegiatan sosial dan juga dalam cara berpakaian. Ramai perempuan merasa marah dan kecewa terhadap kawalan melampau yang dikenakan terhadap mereka seolah-olah mereka itu tidak

mampu untuk menjaga diri mereka sendiri. Terdapat keinginan yang semakin kuat dalam kalangan perempuan Muslim untuk membina impak yang lebih besar dan menjadi lebih relevan dalam semua aspek dan lapangan kehidupan, terutamanya sebagai individu, ibu, anak perempuan, isteri dan perempuan berkerjaya.

Terdapat dikotomi (dua pecahan) yang dapat kita perhatikan dalam kalangan perempuan Muslim, di mana pada satu sisi mereka meyakini bahawa mereka itu adalah sepenuhnya berdaya dan hampir saksama dengan lelaki, tetapi dalam masa yang sama mereka juga merasa terbatas untuk memberikan sumbangan dan bergiat sepenuhnya dalam pelbagai aspek kehidupan. Mereka mengalami kekangan kerana terpaksa akur untuk memenuhi imej dan peranan stereotip sebagai seorang perempuan, ibu, anak perempuan, dan isteri.

## SUMBER PENGETAHUAN AGAMA

Pengetahuan mengenai agama Islam lazimnya diperolehi secara tradisi melalui keluarga dan secara formal di sekolah. Sebahagian besar perempuan yang telah ditemubual mengakui bahawa tidak ada usaha yang aktif untuk mendapatkan kefahaman yang lebih mendalam mengenai penerapan agama, malahan kebenaran serta kesahihan maklumat yang diterima jarang dipersoalkan. Pada masa yang sama, tiada usaha yang bersungguh-sungguh dilakukan untuk memperoleh pemahaman yang lebih mendalam tentang hak-hak perempuan Muslim.

Perempuan Muslim merasakan adanya tekanan untuk memenuhi harapan untuk menjadi 'Perempuan Muslim sejati', namun, tidak ramai yang pasti dari mana datangnya harapan tersebut. Harapan dan pemahaman tersebut telah ditanam sejak kecil melalui ajaran ibu bapa, sekolah dan interaksi dengan masyarakat sekeliling.

## KETAATAN SEBAGAI KEWAJIPAN UTAMA PEREMPUAN MUSLIM

Tanggungjawab perempuan Muslim berkisar tentang ketaatan dan kepatuhan terhadap peranan dan tugas yang dipertanggungjawabkan. Ketaatan merupakan ciri utama dalam hubungan seorang isteri terhadap suaminya. Tanggungjawab untuk taat kepada suami telah menyebabkan timbulnya pelbagai situasi di mana isteri tidak mengambil kira tentang bahaya dan ketidakadilan yang mungkin dilakukan ke atas mereka, contohnya, keganasan rumah tangga. Perempuan Muslim merasakan mereka tidak ada hak untuk menolak hubungan seksual dalam sebuah perkahwinan. Sesetengah perempuan masih percaya yang suami boleh memukul isterinya.

Perkahwinan orang Islam di bawah undang-undang keluarga Islam di Malaysia telah menetapkan peranan yang statik antara suami dan isteri. Sebagai balasan ketaatan seorang isteri, suami mesti menyara isteri dan anak-anak mereka. Oleh itu, perempuan telah menganggap yang naikah daripada suami merupakan hak terpenting seorang isteri. Ada perempuan yang percaya sekiranya seorang isteri itu turut menanggung keluarga, beliau juga patut membuat keputusan untuk keluarga tersebut.

### POLIGAMI

Perempuan Muslim boleh menerima bahawa seorang suami mempunyai hak untuk berpoligami sekiranya suami tersebut boleh berlaku adil kepada semua isterinya. Namun begitu, ramai perempuan Muslim tidak membenarkan suami mereka berkahwin lain. Mereka merasakan yang seorang isteri boleh menuntut cerai jika suaminya ingin berpoligami.

### CABARAN PEREMPUAN BEKERJA

Ramai perempuan Muslim yang bekerja berusaha untuk mencari keseimbangan antara kehidupan mereka di rumah dan di tempat kerja. Mereka bersetuju bahawa lelaki memiliki lebih banyak peluang di tempat kerja dan mengembangkan prospek kerjaya. Sementara itu, isu gangguan seksual terhadap perempuan di tempat kerja masih lagi membelenggu perempuan dan ia merupakan satu isu yang besar.

Walaupun dengan tugas yang mencabar di tempat kerja, seorang perempuan masih dituntut untuk melaksanakan urusan harian di rumah. Ramai perempuan Muslim merasa tertekan dipandang serong oleh masyarakat apabila mereka dilihat menghabiskan lebih banyak masa di tempat kerja berbanding dengan keluarga di rumah.

### TOLERANSI DALAM KALANGAN BANGSA DAN AGAMA

Secara umum, interaksi antara agama yang berlainan tidak diterima dengan baik oleh perempuan Muslim di Malaysia. Namun, di Sabah dan Sarawak penerimaan dan toleransi dalam kalangan perempuan Muslim di sana terhadap aktiviti-aktiviti antara agama dan budaya adalah lebih baik. Manakala, perempuan Muslim di Pantai Timur Semenanjung pula paling kurang terbuka untuk terlibat dan menerima aktiviti antara agama dan budaya.

### KESIMPULAN

Banyak usaha yang harus dilakukan sekiranya kita mahu mengangkat taraf perempuan Muslim di Malaysia supaya saksama dengan kedudukan lelaki Muslim. Kehidupan perempuan Muslim di Malaysia masih dibelenggu dengan diskriminasi yang mendarah daging dengan tanggapan masyarakat dan budaya yang menindas.

Perempuan perlu didorong, disokong, dan dilindungi ketika mereka menyuarakan ketidakadilan dan kezaliman yang mereka alami hanya disebabkan mereka dilahirkan sebagai perempuan Muslim di Malaysia.

Cara fikir dan sistem kepercayaan masyarakat perlu diubah kerana ia sama penting dengan reformasi undang-undang, dasar, dan struktur institusi. Kesedaran perlu disebarluaskan secara meluas pada peringkat nasional bagi mengenal pasti dan memperakui bahawa ketidakadilan adalah satu isu yang besar bagi seluruh rakyat Malaysia, serta menegaskan bahawa isu ini menjadi penghalang kepada kemajuan perempuan dan juga negara.





# **BAB 1: PENGENALAN**

## **SATU KEMAJUAN ATAU KEMUNDURAN?**

Sisters in Islam memperjuangkan kesaksamaan dalam Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia sejak permulaannya pada 1980an. Sisters in Islam sejak dulu lagi berusaha untuk mencari penyelesaian terhadap permasalahan diskriminasi ke atas perempuan Muslim yang dilakukan atas nama Islam. Antara isu yang dibantah oleh Sisters in Islam secara terbuka ialah keganasan terhadap perempuan dimana seorang suami boleh memukul isterinya. Sisters in Islam memberi naratif baharu yang berdasarkan kepada ilmu dan tafsiran terhadap teks-teks Islam yang bersesuaian dengan realiti dan pengalaman hidup perempuan Muslim.

Penyelidikan yang dijalankan oleh Sisters in Islam mendapati bahawa ada tafsiran Al-Quran yang menindas disebabkan adanya pengaruh budaya dan nilai-nilai yang menganggap perempuan sebagai orang bawahan dan harus tunduk kepada lelaki. Penindasan terhadap perempuan bukanlah ajaran Islam, akan tetapi daripada kelemahan manusia yang gagal memahami perintah Tuhan.

## PINDAAN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM MENGURANGKAN HAK-HAK PEREMPUAN MUSLIM

Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 (IFLA) pernah dianggap di antara undang-undang keluarga yang paling progresif di dunia Islam. Malangnya, pindaan terhadap undang-undang itu tidak menjadi bertambah baik malah telah mengurangkan hak-hak perempuan Islam di Malaysia ketika undang-undang itu dipinda pada tahun 1994 dan 2005<sup>1</sup>.

Hasil daripada pindaan yang bersifat diskriminasi telah menimbulkan kemarahan orang ramai. Ini telah mencetus kepada pembentukan satu jawatankuasa yang terdiri daripada pelbagai pihak termasuk kumpulan pejuang hak perempuan untuk mengkaji semula pindaan tersebut. Beberapa cadangan baharu untuk pindaan kepada undang-undang tersebut telah diusulkan dan persetujuan terhadap pindaan tersebut telah dibuat pada tahun 2006. Namun begitu, setelah 13 tahun berlalu, pindaan yang lebih progresif itu masih belum lagi dibahaskan di parliment.

## PEREMPUAN BUKAN MUSLIM MEMPUNYAI HAK YANG LEBIH BAIK DALAM KELUARGA

Pembaharuan undang-undang keluarga bagi perempuan bukan Muslim di Malaysia telah melalui pembaharuan, di mana poligami telah diharamkan; lelaki dan perempuan diberikan hak yang sama untuk berkahwin dan bercerai; kedua-dua ibu bapa mempunyai hak penjagaan yang sama terhadap anak-anak mereka; dan undang-undang pewarisan menetapkan pembahagian harta yang saksama untuk bekas isteri dan bekas suami. Malangnya, hak-hak sebegini tidak diberikan kepada perempuan Muslim kerana dianggap bercanggah dengan hukum Shari'ah.

Kesannya, perempuan Muslim di Malaysia menghadapi diskriminasi yang lebih tinggi; pertama, mereka menghadapi lebih diskriminasi apabila dibandingkan dengan kaum lelaki dalam kerangka IFLA itu sendiri, dan kedua, mereka dilayan berbeza jika dibandingkan dengan perempuan bukan Muslim. Perempuan Muslim mempunyai hak yang lebih sedikit dalam perkahwinan, perceraian, penjagaan anak-anak, dan harta warisan.

Di Malaysia, Islam digunakan sebagai sumber perundungan dan dasar awam. Tafsiran Islam yang konservatif dan patriarki telah menyekat kemajuan dan menghalang pindaan perundungan untuk menegakkan hak-hak perempuan, khususnya dalam konteks kekeluargaan. Ketika negara-negara lain telah bergerak ke hadapan ke arah dasar dan undang-undang kesaksamaan gender dan keluarga, akan tetapi proses pembaharuan untuk Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia masih tidak berganjak.

### RUJUKAN 1:

Pada tahun 1994, langkah pertama bagi pembaharuan undang-undang telah membenarkan perceraian luar mahkamah dan poligami tanpa kebenaran mahkamah boleh didaftarkan dan disahkan, dengan hanya membayar denda. Perkara ini telah mewujudkan kelompongan dalam undang-undang sehingga menyebabkan peningkatan bilangan lelaki yang menceraikan isteri mereka sesuka hati, atau berpoligami tanpa kebenaran mahkamah. Syarat kelima untuk berpoligami iaitu "tidak menurunkan taraf hidup keluarga yang sedia ada" telah dimansuhkan, justeru menghapuskan satu syarat penting yang perlu dipenuhi seorang lelaki di hadapan pengadilan mahkamah sebelum dipertimbangkan untuk mendapat izin berpoligami. Daripada cerita dan kisah yang dikongsikan, ramai perempuan hanya mengetahui mereka telah diceraikan melalui surat daripada mahkamah, sementara sebilangan perempuan yang lain pula hanya mengetahui yang suami mereka telah berkahwin baru melalui pihak ketiga.

Perceraian melalui mesej teks juga dianggap sah oleh hakim mahkamah Syariah. Pada tahun 2003, iaitu sembilan tahun kemudian, satu lagi pembaharuan undang-undang telah dilakukan dan lebih mendiskriminasi perempuan Muslim. Lebih banyak hak telah diberikan kepada lelaki, dan penggunaan bahasa yang neutral gender yang asalnya bertujuan untuk memperkuat hak perempuan telah diperluaskan untuk merangkumi hak-hak lelaki. Pindaan pertama telah diperkenalkan di negeri Selangor pada tahun 2003. Selepas itu, Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2005 telah diluluskan di Parlimen dan diikuti oleh beberapa lagi peruntukan lain yang mendiskriminasi perempuan, di mana secara tidak langsung telah membantalkan peruntukan-peruntukan progresif dalam Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984.

## OBJEKTIF TINJAUAN

Dalam suasana yang mudah tercetusnya perbalahan dan pergolatan politik yang sensitif, tuntutan perempuan untuk perubahan telah tenggelam dalam retorik konservatisme agama. Realiti dan pengalaman hidup perempuan bukan lagi dijadikan keutamaan dalam aspek penggubalan undang-undang. Tumpuan lebih diberikan kepada tafsiran Al-Quran yang konservatif dan bersifat patriarki tanpa mempertimbangkan realiti kehidupan masyarakat yang sering berubah mengikut perkembangan zaman.

Inilah tujuan utama Sisters in Islam menjalankan tinjauan ini. Kami muh realiti kehidupan perempuan diketahui dan difahami oleh seluruh rakyat Malaysia.

Kedudukan perempuan Muslim di Malaysia perlu dibincangkan, dikritik, dan dibahaskan secara terbuka. Perubahan tidak akan berlaku selagi perkara ini masih lagi dilihat sebagai satu isu terlarang. Kehidupan perempuan Muslim Malaysia sudah dan sedang berubah, justeru kini tibalah masanya untuk kita perjuangkan undang-undang yang menepati keperluan tersebut.

Objektif tinjauan ini telah dirangka untuk meneroka realiti dan pengalaman hidup perempuan Muslim sebagai anak, isteri, ibu dan perempuan berkerjaya. Seperti yang kita sedia maklum, setiap aspek bagi peranan-peranan tersebut seringkali dibebani dengan tanggapan lapuk tentang ciri-ciri ‘Perempuan Muslim sejati’. Tinjauan ini akan cuba menjawab persoalan-persoalan berikut:

*Apakah erti kesaksamaan kepada perempuan Muslim? Apa pula erti kesaksamaan kepada perempuan Muslim dari sudut pandang Islam?*

*Apakah sumber pengetahuan agama mereka, dan dari manakah kepercayaan dan persepsi tersebut berkembang?*

*Adakah kesaksamaan itu merupakan suatu yang boleh berubah mengikut persekitaran/situasi/ kehidupan yang berbeza? Adakah perempuan menggunakan hak mereka secara saksama di tempat kerja, di khalayak ramai dan dalam keluarga?*

*Adakah amalan, norma serta undang-undang sedia ada yang diamalkan oleh masyarakat Malaysia hari ini adalah berpandukan kepada pemahaman perempuan Muslim mengenai kesaksamaan? Apakah jurang terbesar antara kepercayaan dan amalan atau norma?*

## MENERUSKAN AGENDA PEMBAHARUAN

Hasil dapatan daripada tinjauan ini akan dijadikan asas kepada kerja-kerja advokasi Sisters in Islam yang menjurus ke arah pembaharuan Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia. Undang-undang Malaysia seharusnya mencerminkan realiti kehidupan perempuan dan perjuangan-perjuangan mereka. Kerja advokasi ini mesti diteruskan bagi memastikan perempuan dapat menunaikan hak-hak mereka yang telah dijamin dalam keluarga berdasarkan konteks abad ke-21 di mana perempuan memainkan peranan penting sama ada di ruang peribadi maupun awam.

Pemerkasaan perempuan dalam perkahwinan, perceraian, dan hal ehwal anak-anak, termasuklah memperkasa peranan perempuan di tempat kerja dan di ruang awam adalah penting untuk menjamin kesejahteraan unit keluarga dan meningkatkan produktiviti negara.



## BAB 2

### REKA BENTUK PENYELIDIKAN

IPSOS telah ditugaskan oleh Sisters in Islam untuk menjalankan satu tinjauan bebas mengenai perempuan Muslim di Malaysia. Mempunyai pengalaman yang luas, IPSOS telah menggabungkan pencerahan baharu menerusi naratif-naratif penyelidikan yang tertumpu kepada tindakan dan keterlibatan bagi menyampaikan reka bentuk penyelidikan yang lebih bijak melalui kaedah yang neutral. Walaupun selama ini Sisters in Islam telah menerima maklum balas mengenai realiti kehidupan perempuan<sup>2</sup>, namun kami mendapati bahawa masih tiada sebuah tinjauan dilakukan di seluruh negara mengenai sikap perempuan Muslim di Malaysia berkaitan hak dan kesaksamaan mereka. Kekurangan ini termasuklah dari segi pemahaman terhadap konsep mengenai hak mahupun kesedaran sehari-hari tentang hak-hak dalam kehidupan.

Walaupun pelbagai tinjauan telah dilakukan terhadap isu ini, namun ia tidak menyeluruh terutama kajian yang menyentuh tentang pandangan agama dalam isu kesaksamaan dan diskriminasi gender, adat kebiasaan kehidupan, dan amalan budaya.

Melalui kaedah penyelidikan ini, IPSOS memastikan bahawa tinjauan yang dilakukan adalah bebas daripada sebarang unsur berat sebelah dan objektif kajian ini dikekalkan.

#### RUJUKAN 2:

Sisters in Islam menerbitkan statistik berkaitan maklum balas yang diterima daripada klien Telenisa. Telenisa ialah satu perkhidmatan percuma yang menawarkan nasihat undang-undang yang dikelolakan oleh Sisters in Islam. Untuk statistik terbaru, sila lawati: <https://sistersinislam.org/wp-content/uploads/2023/07/Statistik-dan-Dapatkan-2022-Telenisa-BM.pdf>

# METODOLOGI

Tinjauan ini telah dijalankan di antara tahun 2018 dan 2019 dalam dua fasa, iaitu fasa kualitatif dan fasa kuantitatif. Disebabkan objektif dan topik kajian ini agak rumit, ia menimbulkan pelbagai persepsi yang mungkin bercanggah dengan kepercayaan agama. Oleh itu, satu pendekatan komprehensif yang boleh diterima pakai telah digunakan untuk memberi pemahaman yang lebih menyeluruh dan lengkap mengenai isu tersebut.

Kedua-dua fasa tersebut melibatkan soalan-soalan tinjauan dan temubual secara persendirian. Bahasa utama yang digunakan ialah Bahasa Malaysia kerana ia merupakan bahasa yang selesa digunakan oleh kebanyakan responden. Temubual dilakukan oleh penemubual perempuan kerana kita mahukan perbincangan yang lebih terbuka dan jujur.

Fasa kualitatif dijalankan ke atas pelbagai golongan responden untuk memahami pandangan dan penyebab timbulnya sikap dan persepsi mereka terhadap isu kajian ini. Kami menyedari bahawa terdapat sedikit sahaja kajian yang dikemukakan berkaitan dengan persepsi tentang kesaksamaan dan agama. Oleh itu, kami menggunakan pendekatan kajian dengan memberikan responden satu platform untuk memberi pandangan mereka dengan jujur dan terbuka.

Platform yang digunakan ialah IPSOS Online Community (Komuniti Dalam Talian). Tinjauan ke atas Komuniti Dalam Talian tersebut dijalankan ke atas 20 orang responden selama lima hari. Para responden kajian dipilih dari pelbagai lokasi, iaitu kawasan bandar utama seperti di Lembah Klang dan Johor Bahru, Kedah, Kelantan, Sabah dan Sarawak. Komuniti tersebut telah dimoderasi oleh anggota kualitatif IPSOS yang terlatih dengan menggunakan garis panduan kajian yang telah dihasilkan.

Fasa kuantitatif telah dijalankan sebagai fasa kedua penyelidikan untuk mengukur respon terhadap isu-isu fasa kualitatif yang dikenal pasti. Kawasan liputan tinjauan telah diperluaskan dalam fasa ini. Seramai 675 orang perempuan Muslim telah ditemubual dan mereka berusia di antara 18 dan 55 tahun. Temubual dikendalikan di seluruh negara, termasuklah di kawasan bandar dan luar bandar. Tinjauan telah dilakukan di tempat-tempat awam seperti di jalanan dan juga dijalankan dari rumah ke rumah. Para responden telah ditanya dengan satu set soalan yang dirangka oleh IPSOS dan Sisters in Islam. Mereka ditemubual secara individu dengan menjaga privasi mereka seboleh mungkin.


## TABURAN GEOGRAFI DAN STRATA ADALAH SEPERTI BERIKUT:

Utara Malaysia (Kedah, Perlis, Penang, Perak)	<b>23%</b>
Malaysia Tengah (Kuala Lumpur, Selangor)	<b>12%</b>
Selatan Malaysia (Johor, Melaka, Negeri Sembilan)	<b>23%</b>
Pantai Timur (Kelantan, Terengganu, Pahang)	<b>22%</b>
Malaysia Timur (Sabah, Sarawak)	<b>20%</b>
Pusat Bandar	<b>12%</b>
Bandar	<b>45%</b>
Luar Bandar	<b>43%</b>


## DEFINISI PUSAT BANDAR, BANDAR DAN LUAR BANDAR

Kriteria	Pusat Bandar	Populasi 10,000 atau lebih	Sekurang-kurangnya 60% populasi (berumur 15 tahun ke atas) terlibat dalam aktiviti bukan pertanian
Pusat Bandar	✓	✓	✓
Bandar	✗	✓	✓
Luar Bandar	✗	✗	✗

# PROFIL RESPONDEN



## PEKERJAAN




**RAJAH 1** Profil perempuan Muslim yang ditemubual:  
Taburan geografi, umur, pendidikan dan pekerjaan

Secara keseluruhan, kelompok usia 30-39 tahun merupakan kelompok terbesar (33%), diikuti oleh kelompok usia 40-49 tahun (23%) dan kelompok belia (18%).

Lebih separuh daripada responden (64%) telah menerima pendidikan di sekolah menengah, diikuti dengan pendidikan di universiti atau kolej (18%).

Kira-kira 56% daripada responden bekerja: 47% bekerja sepenuh masa dan 9% lagi bekerja separuh masa. Suri rumah membentuk kelompok kedua terbesar iaitu 35% responden.



### BILANGAN ANAK

Mempunyai bilangan anak sebagaimana yang dirancang	49%
Ingin mempunyai lebih anak	28%
Tiada rancangan untuk mempunyai anak	12%
Mempunyai anak lebih daripada yang dirancang	11%

### KEPUTUSAN DALAM MENENTUKAN BILANGAN ANAK

Keputusan bersama suami isteri	58%
Tiada had bilangan anak	29%
Keputusan isteri	7%
Keputusan suami	5%
Keputusan adik-beradik	1%

RAJAH 2 Profil perempuan Muslim yang ditemubual: Status perkahwinan, bilangan anak, keputusan untuk mempunyai anak

72% daripada responden telah berkahwin, manakala 6% daripada mereka telah bercerai. Kira-kira 2% daripada responden berada dalam perkahwinan poligami. 74% responden mempunyai anak dan hampir separuh (49%) mempunyai bilangan anak seperti yang dirancang. Hanya 12% responden tidak mahu untuk mempunyai anak. Sebanyak 58% responden menentukan bilangan anak bersama suami, manakala 6% perempuan menyatakan bahawa keputusan untuk mempunyai anak dibuat oleh orang lain.

## BAB 3

### APAKAH ITU KESAKSAMAAN?

Para responden cuba memahami isu kesaksamaan menerusi perspektif yang lebih luas. Prinsip layanan yang adil dan saksama tanpa mengira kaum, agama, gender, jumlah pendapatan, status sosial, atau latar belakang keluarga merupakan asas kepada pemahaman mereka mengenai kesaksamaan. Peluang yang saksama dalam pendidikan dan pekerjaan serta hak untuk mengundi merupakan antara respon mengenai kesaksamaan yang diberikan oleh responden.

Sebagai tambahan, semasa perbincangan berlangsung, beberapa responden merujuk kepada kemudahan asas yang khusus untuk kanak-kanak perempuan dan perempuan dewasa bagi menangani isu-isu keselamatan, seperti ruang tempat letak kereta dan gerabak kereta api khas untuk perempuan sahaja.

“Kesaksamaan bermaksud keadilan atau kesamaan. Contoh yang sangat jelas ialah setiap orang harus diberi peluang yang sama dalam semua aspek kehidupan tanpa mengira gender, agama atau bangsa.”

“Kesaksamaan bermaksud melayani seseorang tanpa diskriminasi. Tak kira laki atau perempuan, cantik atau kacak mahupun sebaliknya. Contohnya, jika seseorang itu berperwatakan lembut atau tomboi, mereka terus dipandang negatif, tetapi saya lebih suka berkawan dengan mereka kerana sifat mereka yang lebih terbuka dan senang menerima sesiapa sahaja.”

“Kesaksamaan adalah hak setiap lapisan masyarakat. Layanan yang sama harus diberikan kepada semua kaum atau agama.”

Kebanyakan responden bersetuju bahawa mereka harus mempunyai hak untuk mengundi (98%), hak untuk memilih pasangan hidup (97%), hak untuk mendapatkan pendidikan (96%) dan hak terhadap kebebasan bersuara (93%). Hak untuk memilih sama ada bertudung ataupun tidak mempunyai peratusan terendah (83%).

**JADUAL 1** **SOALAN:** Sila nyatakan jika anda bersetuju dengan kenyataan berikut.  
Adakah anda fikir hak-hak ini sedang dilaksanakan?

Sebagai seorang perempuan Muslim, saya berhak untuk ...

	Adakah hak-hak ini dilaksanakan?		
		Ya	Tidak
... mengundi	<b>98%</b>	94%	6%
... memilih pasangan hidup saya sendiri	<b>97%</b>	90%	10%
... mendapat pendidikan/berpendidikan ke peringkat tertinggi/ijazah yang saya inginkan	<b>96%</b>	92%	8%
... menentukan bila hendak berkahwin	<b>95%</b>	92%	8%
... hidup mengikut cara saya sendiri	<b>94%</b>	87%	13%
... bebas meluahkan buah fikiran	<b>93%</b>	86%	14%
... membuat keputusan sama ada saya mahu berkahwin atau membujang	<b>91%</b>	89%	11%
... memilih untuk memakai tudung	<b>83%</b>	88%	12%

Hak untuk bebas bersuara berada dalam kedudukan ke-6 seperti yang dapat dilihat dalam Jadual 1 di atas. Namun begitu, 14% responden menjawab bahawa mereka tidak (atau tidak boleh) mengamalkan hak ini. Manakala 13% responden menyatakan bahawa mereka tidak (atau tidak boleh) mempunyai hak untuk menjalani kehidupan sebagaimana yang mereka inginkan, dan 12% responden pula menyatakan mereka tidak boleh memilih dalam soal pemakaian tudung.

Kebebasan bersuara dan berekspresi biasanya tidak diterima oleh masyarakat dan bercanggah dengan adat dan kebiasaan. Norma sosial, agama, dan budaya menetapkan bahawa seorang perempuan Muslim di Malaysia tidak boleh terlalu meminta atau terlalu lantang dalam menyuarakan pendapat. Namun begitu, hasil kajian mendapati bahawa sesetengah perempuan merasakan tanggapan masyarakat terhadap mereka tidak adil dan menyekat hak untuk meluahkan perasaan dengan bebas.


Apabila diteliti dalam konteks peranan berbeza yang dimainkan oleh perempuan sepanjang hidup mereka, rasa tidak puas hati nampak lebih jelas. Daripada pandangan seorang anak perempuan, 75% merasakan bahawa mereka mempunyai hak yang kurang dalam membuat keputusan mengenai urusan keluarga; dan sebagai seorang ibu, 76% menutut hak yang lebih besar untuk bersuara dan memberi pendapat. Bagi seorang isteri pula, 97% percaya bahawa mereka wajib mentaati suami. Sebaliknya, data juga menunjukkan bahawa 57% perempuan merasakan keperluan untuk patuh kepada suami sebagai cabaran, terutamanya jika mereka seorang ibu. Kepatuhan kepada arahan suami "membataskan untuk melaksanakan banyak perkara."

Hak untuk menentukan hidup sendiri, terutamanya dalam membuat pilihan tentang hidup mereka secara mandiri, merupakan antara hak yang tidak dapat diperolehi oleh ramai perempuan. Sebagai anak perempuan, 78% responden berpendapat yang ibu bapa mereka terlalu mengongkong dan 68% responden pula merasakan ibu bapa mereka tidak memberikan mereka untuk hidup berdikari. Ramai isteri tidak berpeluang untuk melanjutkan pelajaran atau memajukan kerjaya kerana terpaksa taat kepada suami mereka. Di tempat kerja pula, responden merasakan yang mereka tidak mempunyai peluang sebanyak lelaki, dalam memajukan kerjaya atau kenaikan pangkat. Selain itu, terdapat bias yang mendiskriminasi perempuan yang sudah berkahwin dan mempunyai anak.

Persoalan mengenai tudung—sebagai satu pilihan atau kewajiban—responden mempunyai pandangan yang bercanggah. Seperti yang tertera dalam Jadual 1 di atas, 83% responden merasakan mereka mempunyai hak dan pilihan untuk memakai tudung ataupun tidak. Dalam Jadual 2 pula, 62% responden merasakan tidak ada masalah bagi seorang perempuan Muslim untuk tidak memakai tudung<sup>3</sup>. Dalam satu set soalan yang berbeza mengenai tudung dari sudut agama, Jadual 3 menunjukkan 90% responden berpendapat pemakaian tudung adalah wajib bagi perempuan Muslim.

**JADUAL 2** **SOALAN:** Pada pandangan anda, apakah persekitaran yang ideal, bagi seorang perempuan, sekiranya peraturan-peraturan Islam mengenai layanan terhadap perempuan adalah menepati “harapan dan jangkaan” anda?

### % penerimaan



**JADUAL 3** **SOALAN:** Adakah anda bersetuju dengan kenyataan berikut?

Pangkalan	SELATAN	UTARA	PANTAI TIMUR	TENGAH	M'SIA BORNEO	PUSAT BANDAR	BANDAR LUAR BANDAR	LUAR BANDAR	
	157	154	153	78	133	79	303	293	
Apabila sesuatu perkara dinyatakan haram, maka ia adalah haram. Tiada tolak ansur terhadapnya.	94%	97%	95%	95%	90%	95%	94%	95%	95%
Memakai tudung adalah wajib bagi seorang perempuan Muslim, tiada pilihan.	90%	93%	97%	85%	74%	90%	91%	89%	
Lelaki dan perempuan dilayani secara saksama di dalam Islam.	88%	92%	88%	80%	88%	89%	87%	89%	86%
Seseorang itu dianggap sebagai Muslim yang kurang baik jika dia mempersoalkan apa yang telah ditetapkan oleh JAKIM.	74%	70%	69%	82%	76%	75%	78%	78%	69%
Seorang perempuan masih boleh menjadi seorang Muslim yang baik jika dia tidak memakai tudung.	73%	62%	68%	72%	79%	88%	73%	73%	72%
Seseorang itu boleh menjadi seorang Muslim yang baik walaupun dia tidak menuaikan solat 5 waktu sehari.	49%	47%	42%	29%	60%	79%	51%	55%	44%

#### RUJUKAN 3:

Secara kebetulan, maklum balas daripada soalan mengenai tudung juga telah mendedahkan bahawa 76% daripada responden berpendapat bahawa perempuan yang memakai tudung tidak seharusnya merokok.

Para responden telah mengenal pasti yang isu ketidakadilan gender kebanyakannya berdasarkan peranan mereka di ruang awam khususnya di tempat kerja<sup>4</sup>. Walaupun Jadual 4 menunjukkan ada ketidakadilan pada layanan serta peluang terhadap perempuan dalam ruang lingkup keluarga, namun perkara ini tidak dianggap sebagai satu ketidakadilan atau diskriminasi oleh responden. Walaupun ramai perempuan mahu diberikan layanan yang saksama dalam keluarga, mereka tetap memberikan alasan atau justifikasi terhadap layanan yang berbeza antara perempuan dan lelaki. Nilai-nilai patriarki seperti idea bahawa perempuan mesti dikenakan batasan untuk dilindungi demi memastikan kesejahteraan mereka, kelihatan sangat berakar dalam fikiran perempuan Muslim di Malaysia.

Ketidakadilan gender dapat dilihat pada peringkat individu, kerana terdapat tekanan yang tinggi untuk memenuhi kehendak orang lain. Kebebasan bagi seorang perempuan Muslim sangat terhad kerana peranan mereka sebagai anak, isteri dan ibu. Sebagai seorang isteri, perempuan Muslim melalui ketidakadilan yang lebih tinggi jika dibandingkan dengan peranannya yang lain.

Apabila konsep kesaksamaan dalam Islam dibincangkan, maklum balas responden menunjukkan yang konsep tersebut selari dengan tuntutan agama. Islam dilihat sebagai agama yang adil dan saksama oleh penganutnya. Para responden merasakan bahawa semua manusia adalah saksama di sisi Tuhan.

Jadual 3 menunjukkan yang 88% responden merasakan lelaki dan perempuan adalah saksama dalam Islam. Namun begitu, mereka mengaku yang ajaran Islam digunakan untuk memihak kepada lelaki sebagai gender yang dominan dan ini memberikan tekanan kepada perempuan untuk menunjukkan imej yang lebih baik.



RUJUKAN 4:  
Sila lihat Bab 7, topik yang bertajuk Cabaran Perempuan Bekerja.

**“ Setiap manusia mempunyai kedudukan yang saksama di sisi Allah S.W.T. Oleh itu, kita harus memberi layanan yang saksama kepada semua orang tanpa mengira gender. Perkara ini adalah sebahagian daripada tuntutan Islam agar kita beriman dan bertaqwa kepada Allah S.W.T. ”**

**“ Konsep kesaksamaan dari sudut pandang agama terletak pada keimanan dan ketakwaan mereka tanpa mengira gender. ”**

Dalam konteks Islam, perempuan Muslim mentakrifkan 'kesaksamaan' sebagai layanan yang saksama tanpa mengira status sosial (91%), saksama di sisi Tuhan (84%) dan keupayaan yang saksama untuk melaksanakan ibadah (80%).

Dalam persekitaran yang ideal, perempuan akan dilayan seperti apa yang mereka impikan, iaitu menerima layanan yang adil dari segi emosi dan fizikal. Perempuan akan dilayan dengan penuh hormat dan suami dan isteri berkongsi tanggungjawab yang saksama terhadap keluarga dan rumah tangga.

Seperti yang dapat dilihat dalam Jadual 4 di bawah, responden dari kawasan Lembah Klang dan Pantai Timur memberikan respon paling tinggi kepada soalan mengenai rasa ingin dihormati berbanding dengan soalan yang lain<sup>5</sup>, manakala responden-responen dari kawasan lain memberi respon paling tinggi kepada soalan yang berkaitan dengan layanan yang adil<sup>6</sup>. Berkenaan dengan soalan mengenai perkongsian urusan rumah tangga bersama, harapan responden dari Pantai Timur adalah paling tinggi (97%) berbanding dengan responden lain. Responden dari Pantai Timur memberi nilai yang sangat tinggi kepada semua soalan, iaitu lebih 90 peratus. Responden dari Lembah Klang dan kawasan bandar utama memberi respon yang rendah kepada soalan berkaitan dengan layanan yang wajar terhadap isteri, masa berkualiti bersama dan perkongsian tanggungjawab.

**JADUAL 4 SOALAN:** Apakah yang anda harapkan di dalam persekitaran yang ideal jika aturan Islam berkaitan layanan terhadap perempuan dipatuhi?

Pangkalan	SELATAN	UTARA	PANTAI TIMUR	TENGAH	M'SIA BORNEO	PUSAT BANDAR	BANDAR	LUAR BANDAR	
Dilayani dengan adil	<b>94%</b>	<b>99%</b>	<b>95%</b>	<b>99%</b>	<b>78%</b>	<b>90%</b>	<b>89%</b>	<b>93%</b>	<b>96%</b>
Dihormati sebagai anak perempuan, isteri, dan ibu	<b>89%</b>	<b>89%</b>	<b>86%</b>	<b>99%</b>	<b>86%</b>	<b>84%</b>	<b>82%</b>	<b>90%</b>	<b>90%</b>
Diperlakukan sewajarnya sebagai perempuan, terutamanya sebagai isteri	<b>88%</b>	<b>92%</b>	<b>81%</b>	<b>97%</b>	<b>76%</b>	<b>87%</b>	<b>81%</b>	<b>90%</b>	<b>87%</b>
Dapat meluangkan masa berkualiti dengan keluarga	<b>84%</b>	<b>89%</b>	<b>82%</b>	<b>96%</b>	<b>69%</b>	<b>75%</b>	<b>73%</b>	<b>85%</b>	<b>85%</b>
Dikasihai tanpa syarat	<b>82%</b>	<b>83%</b>	<b>75%</b>	<b>96%</b>	<b>74%</b>	<b>77%</b>	<b>78%</b>	<b>81%</b>	<b>84%</b>
Mempunyai suami yang berkongsi tanggungjawab rumah tangga	<b>81%</b>	<b>84%</b>	<b>67%</b>	<b>97%</b>	<b>69%</b>	<b>80%</b>	<b>76%</b>	<b>82%</b>	<b>81%</b>

Walau bagaimanapun, apabila para responden ditanyakan mengenai realiti kehidupan mereka, respon mereka mendedahkan yang perempuan menghadapi tiga cabaran utama, iaitu suami yang tidak membantu isteri menguruskan kerja rumah, tidak peka terhadap keperluan emosi isteri, dan menganiaya isteri secara fizikal atau emosi. Realiti ini lebih menonjol dalam jawapan responden dari Pantai Timur.

**RUJUKAN 5:**  
Perbandingan maklum balas kepada soalan, bukan maklum balas di semua kawasan.

**RUJUKAN 6:**  
Perbandingan maklum balas merentas kawasan. Perhatikan bahawa 99% responden dari Pantai Timur mengharapkan keadilan dan muah dihormati.

Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5 di bawah, sekurang-kurangnya 83% responden mendakwa bahawa tanggungjawab rumah tangga tidak dikongsi oleh suami dan hanya dibebankan ke atas isteri sahaja. Isu ini sangat menonjol dalam kalangan responden dari Pantai Timur (93%). Cabaran kedua tertinggi yang dihadapi oleh para responden pada kadar 82% ialah emosi mereka sebagai perempuan tidak pernah dijaga atau diberikan perhatian, khususnya responden dari Pantai Timur yang mana peratusan mereka lebih tinggi berbanding purata iaitu sebanyak 88%. Penderaan fizikal dan emosi, isteri yang bekerja untuk menanggung hidup keluarga, serta layanan yang tidak adil terhadap bekas isteri adalah antara realiti lain yang jauh daripada angan-angan yang ideal.

**JADUAL 5 SOALAN:** Apakah pandangan anda tentang realiti yang sedang anda hadapi sebagai seorang perempuan Muslim di Malaysia?

	Pangkalan	SELATAN 157	UTARA 154	PANTAI TIMUR 153	TENGAH 78	M'SIA BORNEO 133	PUSAT BANDAR 79	BANDAR 303	LUAR BANDAR 293
Suami yang membiarkan isteri mereka melakukan semua kerja rumah	<b>83%</b>	<b>85%</b>	<b>73%</b>	<b>93%</b>	<b>81%</b>	<b>83%</b>	<b>81%</b>	<b>84%</b>	<b>83%</b>
Emosi perempuan tidak pernah dijaga atau diberikan perhatian	<b>82%</b>	<b>84%</b>	<b>77%</b>	<b>88%</b>	<b>71%</b>	<b>85%</b>	<b>77%</b>	<b>83%</b>	<b>83%</b>
Sesetengah isteri atau perempuan dianiaya secara fizikal mahupun secara emosi	<b>82%</b>	<b>86%</b>	<b>74%</b>	<b>91%</b>	<b>63%</b>	<b>86%</b>	<b>67%</b>	<b>85%</b>	<b>82%</b>
Hanya isteri sahaja yang bekerja untuk menyara keluarga	<b>78%</b>	<b>76%</b>	<b>71%</b>	<b>89%</b>	<b>78%</b>	<b>75%</b>	<b>70%</b>	<b>81%</b>	<b>77%</b>
Perempuan yang bercerai tidak dilayan dengan sewajarnya, seperti dalam hak penjagaan anak-anak, tanggungan nafkah dan sebagainya	<b>75%</b>	<b>81%</b>	<b>68%</b>	<b>87%</b>	<b>59%</b>	<b>72%</b>	<b>66%</b>	<b>75%</b>	<b>77%</b>

## KESEDARAN MASYARAKAT TENTANG KEPERLUAN KEPADA KESAKSAMAAN HARUS DIPERTINGKATKAN

Kebanyakan responden percaya sebelum kesaksamaan buat perempuan Muslim dapat direalisasikan, isu kesaksamaan itu sendiri harus diakui sebagai satu isu yang penting.

- 79% responden bersetuju bahawa kesedaran dalam masyarakat perlu dipertingkatkan untuk memperbaiki pengetahuan tentang kesaksamaan.
- 76% responden menyatakan lebih banyak peluang pekerjaan perlu diwujudkan untuk menjana pendapatan isi rumah yang berpendapatan rendah. Peratusan yang sama juga mahukan kebebasan untuk menyuarakan pendapat mereka.
- Tiga perempat responden (75%) mahukan penguatkuasaan undang-undang yang lebih baik untuk menangani penderaan dan keganasan berdasarkan gender, serta layanan yang tidak adil terhadap perempuan.

## KESAKSAMAAN TANPA MENGIRA AGAMA ATAU KAUM AMAT DIHARGAI

Isu kaum dan Islam di Malaysia sering dipolitikkan dan telah membawa perubahan negatif kepada masyarakat dan komuniti. Ia telah menyebabkan munculnya persekitaran yang menggalakkan tindakan yang memecahbelahkan hubungan antara kaum. Meskipun dalam suasana negatif seperti ini, ia sesuatu yang melegakan apabila majoriti responden faham bahawa layanan yang saksama tanpa mengira kaum atau agama adalah amat penting. Hal ini wajar diberikan perhatian kerana ia menunjukkan bahawa perempuan mampu memainkan peranan untuk menjadikan masyarakat lebih meraikan kepelbagaiannya semua kaum.

Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP) menyatakan dalam laporannya yang bertajuk "Journey to Extremism in Africa" yang perempuan lebih cenderung untuk bersetuju bahawa mereka yang berlainan agama harus dilayan dengan saksama. Aspek seperti hubungan antara komuniti, pemahaman berkaitan isu-isu budaya, dan kemahiran menggerakkan modal sosial telah meletakkan perempuan sebagai pengantara penting untuk mencapai keamanan. Sebelum ini juga, UNDP telah memberi penekanan terhadap potensi perempuan di peringkat akar umbi untuk memimpin komuniti mereka ketika menghadapi cabaran<sup>7</sup>. Inilah masanya untuk perempuan bertindak untuk menangani isu yang melibatkan kaum, agama, termasuklah pelbagai bentuk ekstremisme yang sedang dilalui oleh negara ini.

## KESAKSAMAN ANTARA LELAKI DAN PEREMPUAN MENURUT AL-QURAN

Perempuan dan lelaki Muslim adalah saksama di sisi Tuhan dalam semua aspek kehidupan beragama. Beberapa ayat di dalam Al-Quran (33:35-36, 9:71-72, 4:124, 3:195, 40:40, 16:97) secara khususnya menyarankan perempuan dan lelaki untuk memikul peranan dan tanggungjawab yang saksama dalam melakukan ibadah dan kehidupan sehari-hari, termasuklah ganjaran dan hukuman yang saksama untuk amal perbuatan mereka.

Namun begitu, disebabkan oleh beberapa faktor sejarah dan budaya lampau, ramai umat Islam percaya bahawa lelaki adalah lebih tinggi martabatnya daripada perempuan. Surah An-Nisa ayat 34 sering dipetik bertujuan untuk merendahkan kedudukan perempuan berbanding lelaki.

**“** Kaum lelaki itu adalah Qawwamun iaitu pelindung dan pemelihara yang bertanggungjawab terhadap kaum perempuan, berdasarkan apa yang Allah telah memberi kelebihan kepada sebahagian mereka atas sebahagian yang lain dan apa yang mereka telah belanjakan daripada harta mereka. Perempuan yang solehah itu adalah qanitat (taat) dan yang memelihara perkara ghaib menurut apa yang telah dipelihara oleh Allah.

Dan perempuan yang kamu bimbang melakukan khianat (nusyuz) hendaklah kamu menasihati mereka, dan (jika mereka enggan) tinggalkan mereka bersendirian di tempat tidur dan jika mereka tetap enggan, pukullah mereka. Jika mereka kembali taat kepada kamu, maka janganlah kamu mencari jalan untuk menghukum mereka. Sesungguhnya Allah Maha Tinggi lagi Maha Besar. **”**

**Tafsiran oleh Kecia Ali.**

Ayat 4:34 masih terus digunakan sebagai dalil untuk menjustifikasi kekuasaan lelaki dan hubungan hierarki antara gender dalam masyarakat Muslim. Menurut ulama fekah klasik, qiwamah bukan saja membawa idea yang suami harus menanggung nafkah zahir (kewangan) ke atas isteri dan anak-anaknya, tetapi qiwamah juga bermaksud bahawa lelaki mempunyai autoriti ke atas perempuan pada umumnya.

Walau bagaimanapun, pembinaan maksud ayat di atas yang dikaitkan dengan konsep kekuasaan lelaki ke atas perempuan merupakan sesuatu yang tidak menepati prinsip Al-Quran. Konsep kekuasaan ini merupakan ciptaan manusia yang difahami oleh ulama Islam klasik yang hidup dalam konteks adat dan budaya yang lazim pada zaman mereka, iaitu lelaki sentiasa menguasai perempuan<sup>8</sup>. Itulah realiti kehidupan mereka.

Kepercayaan ini telah sebatи dalam pemikiran umat Islam dan telah menyebabkan kemudaratian yang sangat banyak ke atas perempuan Muslim berabad lamanya. Kepercayaan ini sangat bercanggah dengan semangat sebenar Al-Quran.

Prinsip-prinsip lain juga disebut dan dijelaskan dengan baik dalam Al-Quran dan patut dijadikan asas dalam perkahwinan dan hubungan gender seperti: ketenangan (sakinah), cinta dan belas kasihan (mawaddah wa rahmah), kebaikan bersama (ma'ruf), keadilan ('adl), saksama (qist), kebaikan (ihsan), dan perundingan dan persetujuan bersama (tashawur wa taradhi). Sudah tiba masanya prinsip-prinsip ini menjadi asas perundangan dan dasar yang membentuk undang-undang keluarga Islam di Malaysia.

### RUJUKAN 8:

Lihat 'Men in Charge? Dethinking Authority in Muslim Legal Tradition'. Disunting oleh Ziba Mir-Hosseini, Mulki Al-Sharmany dan Jana Rumminger, 2015

## BAB 4

### IMEJ PEREMPUAN MUSLIM YANG DIGAMBARKAN DI MALAYSIA

Salah satu dapatan penting dalam kajian ini adalah keperluan yang tinggi dalam kalangan perempuan Muslim di Malaysia untuk memaparkan imej 'perempuan Muslim sejati'. Namun ia bukan bertujuan untuk kepuasan diri, tetapi untuk mengelakkan persepsi negatif daripada pihak lain. Imej perempuan Muslim sejati ini termasuklah dalam perihal tingkah laku dan etika berpakaian. Ia hanya diterapkan secara eksklusif ke atas perempuan Muslim sahaja, dan tidak kepada lelaki. Keadaan ini dilihat sebagai satu ketidakadilan oleh responden. Keperluan untuk akur kepada norma dan jangkaan sosial masih kekal menebal dalam kalangan masyarakat. 80% daripada responden bersetuju bahawa mereka menghadapi cabaran untuk akur dengan apa yang masyarakat telah tentukan, manakala 59% melaporkan bahawa tingkah laku mereka pernah diawasi dan diaibkan di khalayak ramai.

#### TEKANAN UNTUK AKUR KEPADA PERATURAN SOSIAL BERMULA DARI ZAMAN KANAK-KANAK

“Apabila melibatkan saya sebagai anak perempuan, banyak benda yang saya tak boleh buat. Mereka kata anak perempuan tak boleh selalu keluar rumah, nanti apa pula kata jiran.”

“Anak perempuan kena sentiasa menjaga kelakuan kerana mereka membawa imej keluarga. Mereka selalunya diawasi oleh masyarakat jadi pergerakan mereka terbatas. Mereka juga perlu berhati-hati ketika bercakap supaya sentiasa nampak elok.”

“Apabila saya keluar bersama ibu bapa, saya kena menjaga perangai dan adab sebagai anak perempuan. Saya perlu menjaga imej yang baik supaya saya tidak memalukan ibu bapa. Pakaian juga mestilah longgar dan sopan.”

“Sebagai anak sulung, saya rasa ibu bapa saya selalu tidak adil. Sebab saya perempuan, saya tidak boleh keluar atau balik terlalu lewat tetapi adik lelaki saya boleh. Kalau dari segi berpakaian, adik lelaki lebih bebas, tetapi saya perlu menjaga aurat di dalam mahupun di luar rumah.”

Bagi kebanyakan responden, cara didikan ketika kecil memberikan mereka tanggapan bahawa anak-anak perempuan patut berkelakuan dan berpakaian dengan cara yang tertentu. Sebagai anak perempuan, responden sedar yang imej keluarga bergantung kepada tingkah laku dan pakaian mereka.

Antara cabaran yang dihadapi oleh responden (sebagai anak perempuan) adalah: ibu bapa yang terlalu mengongkong (78%); kurang hak dalam membuat keputusan kerana ia ditentukan oleh ibu bapa untuk keluarga (75%); terdedah kepada fitnah disebabkan oleh kelakuan yang tidak sopan (70%); dan ibu bapa tidak membenarkan anak perempuan berdikari (68%). Aspek teknologi juga merupakan satu cabaran kerana ada kemungkinan gaya hidup anak perempuan yang disembunyikan daripada keluarga selama ini akan terdedah melalui media sosial.

Sebaliknya, responden sebagai ibu juga memberikan tekanan yang sama ke atas anak-anak perempuan mereka untuk mengikut jangkaan sosial/masyarakat. 84% golongan ibu merasakan cabaran utama adalah bagaimana untuk membesarakan anak-anak dengan cara yang 'betul'. Masyarakat sentiasa memerhati cara ibu-ibu membesarakan anak-anak mereka. 80% responden mengakui bahawa untuk mendidik anak-anak tentang agama bukanlah satu tugas yang mudah.

84% responden melihat pendidikan untuk anak perempuan sebagai penentu utama kepada kesaksamaan. 83% responden bersetuju bahawa pendidikan agama perlu untuk memastikan pengetahuan agama anak perempuan mereka teguh ketika mereka membesar. 80% responden bersetuju bahawa anak-anak perempuan patut meneroka pelbagai peluang hidup selagi mana ia tidak bercanggah dengan hukum Islam. 78% responden merasakan adalah penting untuk mendidik anak-anak perempuan tentang rasa hormat sejak kecil supaya mereka membesar dengan mengetahui batas diri mereka. Hanya 62% responden bersetuju bahawa kesedaran tentang hak anak perempuan dalam perkahwinan perlu ditingkatkan.

## MENILAI RUPA LEBIH DARIPADA ISI

Dalam usaha untuk merungkai isu persepsi vs realiti, kita juga perlu memahami bagaimana perempuan memandang agama secara luaran dan dalaman. Adakah penampilan seseorang menjadi pengukur kepada ketakwaannya? 90% responden bersetuju bahawa memakai tudung adalah wajib bagi perempuan Islam. Namun 73% responden berpendapat bahawa seorang perempuan masih seorang perempuan Muslim yang baik walaupun dia tidak bertudung. Manakala, 49% responden berpandangan yang seseorang itu masih seorang Muslim yang baik walaupun dia tidak solat lima waktu sehari.

## KESAKSAMAAN BERMULA DI RUMAH

Cabaran-cabaran yang dihadapi oleh anak perempuan lazimnya berkait dengan keupayaan dan ruang untuk meluahkan perasan dan emosi mereka dan kemampuan untuk membuat keputusan dalam keluarga. Tekanan untuk mengekalkan imej perempuan Muslim sejati rata-ratanya adalah disebabkan oleh sikap masyarakat yang sering menghakimi mereka dengan pandangan bahawa anak perempuan membawa maruah keluarga dalam masyarakat.

Cara tradisional untuk membesarakan anak-anak perempuan dalam keluarga Islam di Malaysia umumnya bertujuan melindungi anak-anak tersebut. Ibu bapa lebih cenderung untuk mengawal dan meletakkan syarat yang lebih ketat terhadap anak perempuan berbanding anak lelaki. Ibu bapa lebih banyak mengawal cara berpakaian anak perempuan. Lazimnya, ibu bapa akan mendidik anak-anak perempuan tentang cara berpakaian sejak kecil lagi. Sebaliknya, anak-anak lelaki dibenarkan untuk memakai seluar pendek.

Apabila anak-anak semakin membesar, anak-anak lelaki biasanya bebas untuk pulang ke rumah lewat malam berbanding anak perempuan. Adakah walaupun sudah dewasa atau mula bekerja, anak-anak perempuan (yang masih tinggal bersama ibu bapa) masih perlu mematuhi peraturan sebegini sedangkan peraturan tersebut tidak pula dikenakan ke atas anak lelaki. Alasannya, ibu bapa (dan masyarakat) ingin melindungi perempuan dan anak-anak perempuan daripada terdedah kepada situasi yang mendatangkan bahaya dari segi fizikal mahupun emosi. Situasi yang digambarkan adalah kegiatan tidak bermoral akibatnya daripada pergaulan bebas atau interaksi sosial tanpa batas antara lelaki dan perempuan.

Realitinya, seorang perempuan masih dikawal dan terbatas untuk pulang lewat malam walaupun sudah berkeluarga. Mereka merasakan perkara ini tidak adil kerana lelaki dibenarkan bersosial hingga lewat malam sementara mereka pula perlu tinggal di rumah.

Secara ideal, responden yang telah ditemubual juga inginkan kebebasan yang sama seperti lelaki dalam penglibatan aktiviti sosial dan cara berpakaian. Sesetengah perempuan tidak suka terlalu dikongkong. Pandangan yang perempuan perlu dilindungi berbanding lelaki sebenarnya melemahkan perempuan kerana ia menunjukkan yang perempuan tidak mampu untuk menjaga diri sendiri.

Kebebasan untuk bergerak dan berpakaian merupakan sebahagian daripada keinginan perempuan Muslim yang mahukan layanan adil dan saksama mengikut peredaran masa. Walaupun responden terikat dengan peraturan sosial dan agama, mereka juga mahu meninggalkan impak yang lebih besar dan relevan dalam setiap fasa kehidupan mereka; sebagai individu, ibu, anak perempuan, isteri dan perempuan berkerjaya.

Isu ini menjadi semakin rumit kerana perempuan merasakan kemampuan mereka dihadkan untuk mencapai kemajuan dan menggunakan sepenuhnya peluang yang diberikan. Mereka khatir akan menyebabkan keadaan keluarga menjadi goyah dan menggugat norma sosial yang telah ditetapkan secara tradisi. Terdapat percanggahan dalam kalangan perempuan Muslim yang terlibat dalam tinjauan ini. Ketika mereka meyakini bahawa mereka mempunyai kemampuan dan kebolehan yang sama seperti lelaki, mereka juga merasa terkekang untuk sama aktif atau menyumbang dalam semua ruang kehidupan mereka. Lazimnya, kekangan ini terhasil daripada tekanan untuk mematuhi stereotaip yang telah ditetapkan sebagai seorang perempuan, ibu, anak perempuan atau isteri.

Daripada maklum balas yang diterima, ketidakadilan lebih kerap berlaku di rumah. Namun begitu, disebabkan rumah adalah ruang peribadi, maka ia dianggap sebagai pengalaman peribadi semata-mata. Satu faktor penting yang perlu diambil kira ialah perempuan cenderung untuk menganggap ketidakadilan itu hanyalah sekadar pengalaman individu kerana ia berlaku dalam persekitaran keluarga dan dilakukan oleh orang-orang yang mereka sayangi. Alasan seperti “bapa saya hanya mahu melindungi saya” atau “ibu saya juga dibesarkan secara begitu” dan lain-lain hanya akan mengalihkan pandangan kita daripada realiti sebenar diskriminasi yang berlaku dalam keluarga. Disebabkan isu-isu ketidakadilan sebegini hanya dilihat sebagai masalah individu, maka para responden percaya ia bukanlah satu isu sosial atau masalah masyarakat. Justeru, program kesedaran jangka panjang yang menyeluruh diperlukan untuk mengubah norma budaya, adat dan amalan agama yang selama ini menyebabkan diskriminasi terhadap perempuan.

## VISI SEBUAH KELUARGA YANG SAKSAMA

Musawah<sup>9</sup>, sebuah gerakan global yang memperjuangkan kesaksamaan dan keadilan dalam keluarga Muslim menegaskan bahawa pada abad ke-21 ini keadilan tidak mungkin dapat dicapai tanpa kesaksamaan. Banyak peruntukan dalam undang-undang keluarga Islam seperti yang ditakrifkan oleh ulama fekah klasik dan digubal semula dalam kod undang-undang moden tidak lagi relevan dan tidak boleh dipertahankan pada konteks masa kini ataupun atas dasar Islam. Bukan sahaja undang-undang ini gagal untuk memenuhi kehendak keadilan Shari'ah, malah ia juga digunakan untuk menafikan hak dan pilihan yang bermaruah untuk perempuan dalam kehidupan mereka. Perkara ini menjadi punca kepada ketidakharmonian rumahtangga dan perpecahan keluarga.

Prinsip-prinsip Al-Quran dan kekayaan tradisi hukum Islam membolehkan kita untuk menggubal undang-undang keluarga Islam hari ini dengan lebih saksama dan memenuhi keperluan masyarakat masa kini. Ajaran Islam dan standard hak asasi manusia sejagat merupakan dua aspek yang serasi dan tidak bercanggah antara satu sama lain; dinamik dan sentiasa berubah mengikut keperluan peredaran zaman dan keadaan. Dengan mengambil inspirasi daripada visi Al-Quran tentang keadilan dan hubungan gender, maka kesaksamaan gender dan penghapusan diskriminasi hanya dapat dicapai dengan undang-undang, amalan dan budaya yang menjadikan hubungan sesama ahli keluarga dan masyarakat lebih seimbang, adil dan saksama.



Rujukan 9:

Musawah telah dilancarkan pada Februari 2009 di Global Meeting di Kuala Lumpur, Malaysia oleh Sisters in Islam. Ia dihadiri lebih daripada 250 perwakilan perempuan dan lelaki daripada 47 negara, termasuk 32 negara OIC


## BAB 5

### SUMBER PENGETAHUAN AGAMA

Berdasarkan maklum balas responden, pengetahuan agama Islam mereka selalunya dipelajari secara tradisi melalui keluarga dan pembelajaran formal di sekolah. Tiada usaha bersungguh-sungguh untuk mendapatkan kefahaman yang mendalam mengenai penerapan agama dalam kehidupan sehari-hari. Pembelajaran agama di sekolah dan didikan ibu bapa adalah sumber biasa yang diterima tanpa sebarang persoalan dan dipastikan kesahihannya. Mereka juga tidak bersungguh-sungguh untuk memahami dan mempelajari tentang hak-hak perempuan Islam.

**JADUAL 6**

**SOALAN:** Dari mana anda mendengar/mengetahui/belajar mengenai agama? Adakah anda mempunyai orang tertentu yang dipercayai untuk mendapatkan pandangan berkenaan hal-hal berikut?



Menariknya, ramai responden mengakui bahawa sumber pengetahuan Islam mereka adalah terhad dan ramai juga berpuas hati dengan ajaran yang diterima daripada sekolah dan ibu bapa mereka.

80% responden mendakwa bahawa mereka belajar ilmu agama daripada ibu bapa mereka, diikuti oleh guru-guru yang mahir (66%), buku rujukan yang berkaitan dengan Islam (64%), kelas yang dianjurkan oleh masjid atau surau (64%), dan membaca artikel di platform media sosial (57%).

Responden juga "mengikuti" penceramah di media sosial tetapi hanya menonton video-video pendek dan bukan secara keseluruhannya. Kebanyakan penceramah yang diikuti hanyalah berdasarkan populariti semata (melalui perkongsian pautan) dan bukannya kepada kepakaran, kelayakan atau isi kandungan yang disampaikan.

**“**Saya mengetahui tentang perkara-perkara begini melalui pembacaan di Facebook dan nasihat keluarga sendiri. Saya baru mengenali dan membaca sebuah buku oleh Ustaz.....yang disarankan oleh kawan saya. **”**



Walaupun responden mengaku ada tekanan yang kuat untuk menjadi seorang 'perempuan Muslim sejati', namun mereka tidak pasti dari mana datangnya tekanan tersebut. Tekanan ini telah ditanam dari usia yang muda menerusi beberapa sumber seperti didikan ibu bapa, pembelajaran di sekolah, dan interaksi dengan orang sekeliling.

## MENCIPTA NARATIF BARU TENTANG ISLAM

Walaupun umat Islam menerima Al-Quran sebagai sumber agama, namun usaha mentafsirkan Al-Quran seringkali menghasilkan pandangan dan pendapat yang berbeza. Sehingga kini terdapat pelbagai mazhab fekah dan akidah yang masih diamalkan di seluruh dunia Islam. Disebabkan adanya pelbagai pandangan, maka Islam dapat disebarluaskan dan berkembang dalam budaya dan masyarakat yang berbeza kerana semuanya membawa mesej keadilan Islam yang universal.

Pemahaman agama Islam yang bersifat mengongkong dan muh mengawal (seperti yang berlaku di Malaysia) telah menafikan konteks sejarah yang membangunkan tradisi ilmu fekah. Sebagai contoh, dalam teks fekah klasik, ketidakadilan gender tidak dipandang dengan serius. Perempuan dipandang sebagai 'makhluk seksual', dan bukannya sebagai 'makhluk sosial', serta hak-hak mereka hanya dibincangkan dengan meluas dalam konteks undang-undang keluarga. Ulama fekah klasik menyusun peranan dan tanggungjawab perempuan mengikut nilai dan konteks pada zaman mereka. Peraturan dan hukum yang mereka susun menggambarkan keadaaan pada zaman itu, dimana ketidakadilan diantara perempuan dan lelaki merupakan adat kebiasaan mereka dan perempuan tidak mempunyai peranan yang besar dalam ruang awam. Lelaki dituntut untuk memberi nafkah dan melindungi perempuan dan keluarga, sementara perempuan dituntut untuk mentaati dan memenuhi semua keperluan lelaki.

Realiti kita pada hari ini telah berubah. Namun begitu, ulama konservatif yang mendominasi autoriti agama dan aktivis-aktivis Islamis pada hari ini seolah-olah tidak mampu atau tidak mau melihat hukum Islam daripada perspektif sejarah. Hakikatnya, hukum Islam adalah peraturan yang disusun dan dibentuk mengikut keadaan sosial masyarakat untuk mengatasi permasalahan sosio-ekonomi dan politik pada zaman itu. Dalam masa yang sama, ramai dari kalangan mereka tidak mampu atau tidak mau melihat bahawa jika diberikan konteks yang berbeza, undang-undang ini seharusnya berubah supaya prinsip keadilan hakiki dilaksanakan.

Dalam proses penggubalan undang-undang ini, gabungan usaha manusia bersama ilmu-ilmu baharu dapat menentukan pemilihan teks-teks Al-Quran yang relevan untuk digunakan dan ditafsirkan demi kebaikan masyarakat. Walaupun teks tersebut adalah wahyu Tuhan kepada manusia, namun kefahaman manusia tentang teks tersebut adalah sesuatu yang mereka bina sendiri dan terdedah kepada kesilapan dan berubah mengikut peredaran masa dan keadaan. Oleh itu, pengalaman dan akal manusia yang membaca dan mentafsir teks Al-Quran yang sebenar akan membawa kepada penghasilan hukum-hakam dan ilmu Islam. Justeru, kita tidak boleh menganggap hukum-hakam dan ilmu ini sebagai mutlak dan tidak boleh dikritik.

Maka, tafsiran agama arus perdana (popular dan diterima ramai) mesti dipersoalkan dengan kritis akan kesahihan dan kebenarannya supaya masyarakat mendapat kefahaman yang lebih adil. Bagaimanakah kita hendak mencari penyelesaian dalam agama jika kita tidak berijtihad dan menghasilkan ilmu serta tafsiran yang baharu ketika kita berhadapan dengan masalah-masalah pada masa kini? Bagaimanakah kita boleh memastikan agar prinsip keadilan kekal menjadi asas kepada undang-undang Islam dan perlaksanaannya untuk hari ini?

Pada hari ini, terdapat percanggahan yang jelas antara ajaran agama arus perdana dengan realiti kehidupan yang kita lalui, terutamanya sebagai perempuan Muslim. Isu-isu perempuan Muslim yang timbul akibat daripada unsur-unsur diskriminasi yang berakar daripada ideologi patriarki dan misogini mesti diperdebatkan dan dikritik secara terbuka.


## **BAB 6**

# **KETAATAN ADALAH TANGGUNGJAWAB UTAMA BAGI PEREMPUAN MUSLIM**

**RAJAH 3**

Apakah pendapat anda tentang peranan perempuan dalam Islam?

Tanggungjawab perempuan Muslim berkisar kepada ketaatan dan memenuhi peranan dan tugas yang ditentukan.



Dapatkan yang diperolehi rata-rata menyatakan bahawa kewajipan utama seorang perempuan adalah untuk patuh dan taat, yang mana ia berakar kepada peranan tentang perempuan Muslim. Taat kepada ibu bapa sebagai anak perempuan dan taat kepada suami sebagai isteri merupakan syarat yang wajib dipenuhi untuk menjadi anak perempuan dan isteri yang baik. 96% responden bersetuju bahawa perempuan Muslim harus mentaati ibu bapa dan suaminya; 89% percaya bahawa anak perempuan mesti menjaga dirinya sendiri (dari segi kesopanan, pemakaian, tingkah laku sosial dan interaksi), manakala 88% percaya bahawa isteri perlu memenuhi kewajipannya sebagai perempuan Muslim yang berada di bawah jagaan suaminya.

**ANTARA KETAATAN DAN HAK NAFKAH**

Ketaatan merupakan ciri utama dalam perhubungan suami dan isteri. 97% perempuan Muslim setuju bahawa mereka wajib taat kepada suami dan menjaga anak-anak. Ketaatan seorang perempuan adalah ukuran untuk menjadi seorang 'isteri yang baik'.

Tanggungjawab yang wajib untuk mentaati suami adakalanya mendedahkan isteri kepada pelbagai situasi bahaya dan boleh diperlakukan dengan zalim. Daripada maklum balas yang diterima oleh Sisters in Islam, perempuan enggan melaporkan kes keganasan rumah tangga, termasuklah perkosaan dalam perkahwinan kerana mereka bimbang akan mengkhianati suami dan keluarga pula menganggap mereka isteri yang derhaka.

Perempuan juga takut untuk keluar daripada situasi keganasan rumah tangga kerana mereka menganggap tindakan ini sebagai nusyuz<sup>10</sup>. Akibat takut dituduh derhaka, ramai perempuan berhenti kerja atau mengurangkan komitmen untuk kerja. Ada juga yang melepaskan peluang untuk melanjutkan pelajaran, malah redha dengan keputusan suami yang tidak membentarkan mereka untuk melawat keluarga sekerap yang diingini. Mereka juga tidak dapat membuat keputusan tentang perancangan keluarga dan sebagainya.

**Rujukan 10:**

Di bawah Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan di Malaysia, seorang perempuan yang nusyuz atau tidak mematuhi apa-apa perintah suaminya dianggap sebagai melakukan kesalahan dan boleh didenda. Lihat perbincangan yang berikutnya dalam topik "Cabaran Terhadap Rangka Kerja, Antara Kepatuhan dan Hak Nafkah".

Dalam kes berkaitan keganasan rumah tangga, undang-undang di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 telah mendorong ramai perempuan Muslim menuntut hak mereka untuk hidup bebas daripada keganasan dan penderaan. Sebanyak 94% responden percaya mereka mempunyai hak untuk melaporkan kepada pihak berkuasa jika mereka didera secara mental atau fizikal.

Walau bagaimanapun, hanya 69% perempuan bersetuju untuk membuat laporan berkaitan keganasan seksual atau hubungan seks secara paksaan dan tanpa persetujuan isteri<sup>11</sup>.

68% responden pula percaya mereka mempunyai hak untuk membuat keputusan dalam hubungan seksual. Agak membimbangkan apabila 21% responden percaya bahawa suami ada hak untuk memukul isterinya<sup>12</sup>. Dalam kalangan responden yang menerima perkara ini, mereka menggunakan konsep nusyuz sebagai alasan untuk memukul. Sebanyak 88% responden bersetuju bahawa isteri akan menjadi nusyuz jika meninggalkan rumah tanpa izin suaminya, enggan berpindah mengikut suami (54%), enggan melakukan hubungan seksual (52%), enggan membuka pintu untuk suami (50%) atau enggan menjawab panggilan suami (46%).

Dalam keadaan ini, mereka percaya yang seorang suami boleh memukul isterinya jika isteri tidak taat kepada suami. Tanggapan ini bercanggah dengan prinsip Al-Quran dan bertentangan dengan amalan Nabi Muhammad SAW yang tidak pernah memukul isterinya dalam apa jua keadaan sekalipun.

Walaupun 89% responden menganggap diri mereka adalah saksama dengan pasangan mereka, hanya 57% responden percaya mereka boleh meninggalkan perkahwinan pada bila-bila masa. Sebanyak 76% responden percaya hak untuk bercerai terletak di tangan suami<sup>13</sup>.

#### JADUAL 7

**SOALAN:** Adakah anda bersetuju dengan kenyataan di bawah:

Sebagai seorang isteri, saya ada hak untuk...

... membuat laporan atau mendedahkan penderaan secara mental atau fizikal	<b>94%</b>
... dianggap setaraf (saksama) dengan pasangan	<b>89%</b>
... tidak setuju jika suami ingin berpoligami	<b>88%</b>
... membuat laporan atau mendedahkan jika suami memaksa hubungan seksual tanpa persetujuan	<b>69%</b>
... menentukan masa untuk melakukan hubungan seksual dalam perkahwinan	<b>68%</b>
... meninggalkan perkahwinan pada bila-bila masa	<b>57%</b>

**Rujukan 11:**

Kesalahjen jenayah rogal di bawah Seksyen 375 Kanun Keseksaan tidak termasuk "persetubuhan seorang lelaki bersama isterinya..."

**Rujukan 12:**

Lihat jadual 9, mukasurat 29

**Rujukan 13:**

Lihat jadual 9, mukasurat 29

Perkahwinan Muslim di bawah undang-undang keluarga Islam Malaysia mentakrifkan peranan suami dan isteri dengan cara lama dan tidak boleh berubah. Unsur taat kepada suami telah dijadikan sebahagian daripada undang-undang dan sebagai balasan keatas ketiaatan isteri, suami harus menyediakan segala keperluan isteri dan anak-anak.

Responden mengakui nafkah adalah hak yang paling utama dalam perkahwinan (92%). Kemudian diikuti dengan hak membuat keputusan bersama (84%), menghormati perasaan dan mendengar pendapat isteri (82%), hak untuk membantah perkahwinan poligami (74%), dan hak untuk membuat keputusan dalam hubungan seksual (67%).

JADUAL 8 | **SOALAN:** Apakah pandangan anda berkenaan hak perempuan Muslim selepas berkahwin?

Hak untuk mendapat nafkah yang mencukupi	<b>92%</b>	Hak untuk membantah jika suami mahu berpoligami	<b>74%</b>
Hak untuk melawat ibu bapa	<b>85%</b>	Hak untuk melaporkan kepada pihak berkuasa jika didera oleh suami	<b>73%</b>
Hak untuk bebas daripada penderaan emosi	<b>84%</b>	Hak untuk membuat keputusan dalam hubungan seksual	<b>67%</b>
Hak untuk membuat keputusan bersama	<b>84%</b>		
Hak ke atas penjagaan anak-anak	<b>83%</b>		
Hak untuk bebas daripada penderaan fizikal	<b>83%</b>		
Hak supaya perasaan dan pendapat saya dihormati dan didengari	<b>83%</b>		
Hak untuk mendapat masa lapang ketika saya memerlukan	<b>77%</b>		
Hak untuk dilindungi oleh suami dan ahli keluarganya	<b>77%</b>		

Sebanyak 86% responden menyatakan yang pencari nafkah utama dalam keluarga mereka ialah lelaki. Sebanyak 62% responden merasakan bahawa perempuan tidak patut menanggung keluarga. Daripada 38% responden yang bersetuju bahawa perempuan boleh menjadi penanggung keluarga, hanya 66% sahaja percaya bahawa perempuan patut menjadi pembuat keputusan dalam keluarga. Jelas di sini responden mempunyai satu kefahaman bahawa sesiapa yang memberi nafkah patut mempunyai hak untuk membuat keputusan utama dalam keluarga.

#### SIAPAKAH PENCARI NAFKAH UTAMA?

**RAJAH 4** **SOALAN:** Siapakah pencari nafkah utama dalam rumah tangga anda?



#### KETAATAN DALAM SITUASI-SITUASI YANG LAIN

Di Malaysia, sikap taat kepada "autoriti" tanpa soal telah berlanjut kepada ketaatan terhadap pihak berkuasa agama.

Apabila penguasa agama memfatwakan sesuatu perkara itu haram<sup>14</sup>, 94% responden menyatakan bahawa mereka tidak akan mempersoalkan tentang logik atau kebenarannya. Penguasa agama tidak akan bertoleransi dengan sebarang bantahan terhadap fatwa-fatwa mereka. 70% responden percaya bahawa mereka tidak perlu taat kepada kehendak ibubapa jika ia bertentangan dengan prinsip mereka. Tetapi hanya 14% daripada mereka menyatakan bahawa perkara ini tidak dapat diamalkan.

LOKASI	SUAMI/ BAPA	DIRI SENDIRI	ADIK-BERADIK/ IBU
Selatan	157	94%	4%
Utara	154	88%	5%
Pantai Timur	153	78%	15%
Tengah	78	82%	15%
Malaysia Borneo	133	86%	12%
Pusat Bandar	79	80%	15%
Bandar	303	88%	10%
Luar Bandar	293	86%	8%

#### APAKAH PANDANGAN ANDA JIKA ISTERI/IBU MENJADI PENCARI NAFKAH DAN/ATAU PEMBUAT KEPUTUSAN DALAM KELUARGA?

**66%**

responden bersetuju bahawa isteri atau ibu boleh mengambil alih peranan sebagai pembuat keputusan utama jika mereka memikul peranan sebagai pencari nafkah utama dalam sebuah keluarga.

**62%**

responden menyatakan bahawa mereka tidak boleh menerima isteri atau ibu menjadi pencari nafkah utama walaupun bapa atau suami mengambil alih tanggungjawab ibu atau isteri.

## MENYANGGAH KONSEP KETAATAN DAN NAFKAH

Undang-undang Keluarga Islam (UUKI) di Malaysia berlandaskan kepada konsep perkahwinan yang berdasarkan "tanggungjawab dibalas dengan ketaatan" atau konsep "membalas budi" (yang bertentangan dengan prinsip kesaksamaan) antara pasangan suami dan isteri. Jika seorang suami sudah memberi nafkah dan perlindungan, maka si isteri perlu mentaati perintah suami. Sekiranya isteri gagal mentaati suaminya, isteri boleh kehilangan hak untuk menerima nafkah. Undang-undang klasik percaya bahawa semua lelaki adalah sebagai pemberi nafkah dan pelindung keluarga. Ini telah menyebabkan lelaki mendapat hak dan keistimewaan yang banyak dari segi perkahwinan, perceraian, perwalian, pewarisan dan lain-lain. Walaupun realitinya ramai lelaki gagal melaksanakan peranan dan tanggungjawab mereka, namun keistimewaan tersebut masih kekal dipegang lelaki.

Sementara itu, perempuan Muslim yang kini turut menanggung dan melindungi keluarga tidak mendapat sebarang pengiktirafan di sisi undang-undang dan tidak mendapat hak yang saksama seperti lelaki.

Undang-undang nusyuz mengukuhkan prinsip membala budi ini. Bahagian 59 dalam UUKI menyatakan bahawa:

(2) Hukum Syarak dan Undang-undang Keluarga Islam<sup>15</sup> berhak melucutkan hak seorang isteri untuk mendapat nafkah jika disabitkan nusyuz oleh mahkamah. Antara perkara-perkara yang mensabitkan nusyuz adalah isteri enggan memenuhi keinginan suaminya yang sah secara tidak munasabah, seperti:

(a) enggan melakukan hubungan seksual bersama suami;  
(b) meninggalkan rumah tanpa kebenaran suami; atau  
(c) enggan berpindah mengikut suami ke rumah atau tempat lain tanpa sebab yang sah menurut hukum Syarak.

(3) Sebaik sahaja isteri bertaubat dan kembali taat kepada suaminya, status nusyuz tersebut akan terbatal ke atasnya.

Konsep membala budi dalam perkahwinan berasal daripada prinsip kekuasaan lelaki (qiwamah) dan perwalian (wilayah) terhadap perempuan. Secara praktiknya, ia tidak membawa kepada kesaksamaan antara suami dan isteri. Suami yang gagal memberi nafkah kepada isterinya tidak akan kehilangan autoriti mereka, manakala isteri yang mencari nafkah untuk keluarga pula tidak dapat menikmati hak dan keistimewaan yang sama.

Konsep ini memainkan peranan utama dalam menginstitusikan, mewajarkan dan mengekalkan model keluarga patriarki Muslim. Justeru, konsep ini patut dicabar. Undang-undang sebegini tidak memupuk keharmonian dalam perkahwinan bahkan menjadi punca utama kepada keruntuhan perkahwinan dan keganasan terhadap perempuan. Oleh itu, langkah untuk memperbaharui undang-undang mesti dilakukan dengan segera.

Klausu nusyuz dalam undang-undang sangat memudaratkan perempuan. Berdasarkan maklum balas yang diterima oleh Sisters in Islam, isteri bukan sahaja berasa ragu untuk bertindak untuk melawan keganasan dalam perkahwinan, malahan suami juga turut menggunakan untuk mengancam isteri mereka. Undang-undang ini membolehkan sesetengah suami melakukan keganasan tanpa menanggung sebarang hukuman dan akibat yang setimpal.

Negara-negara Islam lain telah menerima keperluan untuk meminda undang-undang supaya hubungan keluarga menjadi lebih harmoni. Contohnya, di Algeria, hak dan tanggungjawab setiap pasangan dalam keluargas adalah berdasarkan kepada kesaksamaan dan ini termaktub dalam Perlembagaan dan Undang-undang Sivil.

Di Turki, undang-undang keluarga mereka menuntut pasangan suami isteri untuk hidup bersama dalam harmoni, saling hormat menghormati dan berbuat baik, serta bersama-sama menyumbang untuk memelihara kemaslahatan keluarga. Undang-undang ini juga menuntut mereka untuk saling melindungi anak-anak dan memberi pendidikan yang baik. Kedua pasangan juga dituntut untuk bersepakat dalam urusan keluarga, termasuklah merancang keluarga. Di Maghribi, undang-undang keluarga (Moudawana) mengiktiraf perkahwinan sebagai sebuah perkongsian antara dua pihak secara saksama dan meletakkan hak dan tanggungjawab bersama antara kedua pasangan termasuk:

- (i) tinggal bersama, saling menghormati, menyayangi dan memelihara kemaslahatan keluarga;
- (ii) Kedua-dua pasangan bertanggungjawab untuk melindungi keluarga dan menguruskan rumah tangga dan pendidikan anak-anak;
- (iii) berbincang dalam membuat keputusan mengenai hal ehwal keluarga.

Undang-undang ini ada tertulis di negara-negara yang penduduknya majoriti orang Islam di mana mereka mengambil pendekatan prinsip Al-Quran yang mengangkat keharmonian, tolak ansur, sikap saling menghormati, berbuat baik dan berkasih sayang sebagai asas dalam keluarga. Justeru, pembaharuan dalam undang-undang keluarga Islam sebenarnya boleh dilakukan. Oleh itu, pembaharuan perlu disegearkan bagi melindungi perempuan daripada sebarang kemudaratan dan diskriminasi.

Rujukan 15:

Seksyen 2 Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 - "Hukum Syarak" ertiinya Undang-undang Islam mengikut mazhab yang diiktiraf



## **BAB 7**

# **TOPIK-TOPIK TERPILIH**

## POLIGAMI

Sebanyak 70% responden boleh menerima yang suami boleh berkahwin lain sekiranya suami dapat memberi layanan yang adil kepada semua isterinya. Walau bagaimanapun, hanya 32% responden membenarkan suami mereka berkahwin lagi.

**“ Poligami boleh diamalkan jika lelaki boleh berlaku adil dan saksama, tetapi saya tidak akan membenarkan suami saya berkahwin lagi. ”**

**92%**

bersetuju bahawa lelaki Muslim boleh berpoligami selagi mereka dapat berlaku adil kepada semua isteri (peratusan yang tinggi dari Pantai Timur).

**70%**

perempuan Muslim bersetuju yang isteri mempunyai hak untuk menuntut cerai dalam apa jua keadaan.



Dan hanya

**32%**

responden  
membenarkan  
suami mereka  
berkahwin lagi.

**RAJAH 5**

**SOALAN:** Adakah anda membenarkan suami atau bakal suami berkahwin dengan perempuan lain sekiranya dia boleh berlaku adil dan saksama kepada setiap isteri dari segi kewangan mahupun emosi?

Dalam Jadual 9 di bawah, 93% bersetuju dengan kenyataan bahawa isteri pertama mesti dimaklumkan tentang niat suaminya untuk mengahwini isteri kedua atau ketiga, manakala 59% responden berpendapat bahawa poligami masih relevan dan boleh diterima.

**JADUAL 9**

**SOALAN:** Sila nyatakan jika anda bersetuju atau tidak untuk setiap kenyataan berikut :

Anak adalah rahmat Tuhan. Mempunyai anak yang ramai adalah cara Tuhan merahmati saya \_\_\_\_\_ **97%**

Seorang isteri dan ibu yang baik ialah perempuan yang mentaati suami dan menjaga anak-anaknya \_\_\_\_\_ **97%**

Seorang isteri mesti taat kepada suami kerana suami mencari nafkah untuk keluarga \_\_\_\_\_ **97%**

Seorang isteri mesti sentiasa mentaati suaminya \_\_\_\_\_ **93%**

Isteri pertama mesti dimaklumkan tentang niat suami untuk berkahwin dengan perempuan lain \_\_\_\_\_ **93%**

Hak talak mesti berada dalam tangan suami \_\_\_\_\_ **76%**

Lelaki Muslim boleh mengamalkan poligami selagi mereka mampu berlaku adil kepada semua isteri \_\_\_\_\_ **70%**

Menjaga dan menguruskan anak-anak adalah tanggungjawab \_\_\_\_\_ **68%**

Kerja-kerja rumah adalah tanggungjawab suami \_\_\_\_\_ **62%**

Perkahwinan poligami masih relevan dan boleh diterima \_\_\_\_\_ **59%**


Seorang isteri yang tidak memasak untuk suami dan keluarganya bukanlah isteri yang baik \_\_\_\_\_ **29%**

Suami boleh memukul isterinya untuk mendidiknya \_\_\_\_\_ **21%**

Ibu yang bekerja selalunya bukan ibu yang baik kepada anak-anaknya \_\_\_\_\_ **20%**

Berpandukan Rajah 6 berikut, 66% responden bersetuju bahawa isteri berhak dan boleh menuntut cerai jika suaminya memutuskan untuk berkahwin lagi. Dalam Jadual 8<sup>16</sup>, 74% responden bersetuju seorang isteri mempunyai hak untuk membantah jika suaminya ingin berkahwin lain.

RAJAH 6 | **SOALAN:** Apakah yang boleh diterima atau tidak untuk pasangan isteri dan suami Muslim?



#### PERLINDUNGAN HAK-HAK ISTERI DALAM PERKAHWINAN POLIGAMI

Pindaan ke atas Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia telah memudahkan lelaki untuk berpoligami. Pindaan pada tahun 1994 terhadap Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 telah memansuhkan syarat kelima (taraf hidup keluarga sedia ada tidak boleh kurang) perlu dipenuhi sebelum Mahkamah Syariah mengizinkan poligami. Undang-undang pada tahun 1984 hanya membenarkan poligami dengan keizinan mahkamah, namun pindaan pada tahun 1994 membenarkan poligami tanpa keizinan mahkamah dan boleh didaftarkan hanya dengan membayar denda yang minima. Pindaan pada tahun 2005 pula memberi lebih kelonggaran kepada suami untuk berpoligami. Syarat pertama menyatakan suami perlu membuktikan bahawa perkahwinan itu "patut DAN perlu", telah dipinda kepada "patut ATAU perlu". Penguatkuasaan kepada syarat untuk berpoligami yang lain juga masih lemah.


Sisters in Islam dengan kerjasama Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Sains Malaysia dan Universiti Malaya telah menjalankan kajian pada peringkat kebangsaan mengenai "Impak Poligami Kepada Keluarga Muslim di Semenanjung Malaysia" daripada tahun 2007 hingga 2012. Kajian menunjukkan bahawa poligami sering berlaku secara rahsia, tanpa kelulusan mahkamah, dan tanpa pengetahuan isteri pertama. Keluarga yang terlibat sering mengalami masalah kewangan dan gangguan emosi. Sisters in Islam sentiasa melakukan advokasi agar undang-undang berkaitan poligami diperketatkan untuk memastikan keadilan dan kesaksamaan terjamin buat isteri pertama dan anak-anak mereka.

## CABARAN-CABARAN BAGI PEREMPUAN BERKERJAYA

Jadual 10 di bawah menilai pandangan responden tentang hak perempuan yang bekerja.


**JADUAL 10** **SOALAN:** Apakah pandangan anda tentang hak perempuan Muslim di Malaysia yang bekerja?

Hak-hak perempuan Muslim yang bekerja:



Kami juga bertanya kepada responden mengenai cabaran utama bagi seorang perempuan Muslim yang bekerja

RAJAH 7 | **SOALAN:** Apakah cabaran yang sering dihadapi oleh perempuan Muslim yang bekerja?



“ Cabarannya adalah persaingan dengan lelaki di tempat kerja sambil mengimbangi kehidupan di rumah. Terlalu banyak perkara yang perlu dijaga. ”

“ Cabarannya adalah sentiasa ada anggapan bahawa anda tidak layak untuk mencapai kejayaan. ”

“ Sebagai seorang pekerja perempuan di Malaysia, saya rasa hak pekerja perempuan bergantung kepada keadaan tempat kerjanya. Sesetengah tempat kerja hanya mahu perempuan bekerja separuh masa dan tidak diberi ruang untuk menyuarakan pendapat dan ketidakpuasan hati kerana kami dianggap tidak layak untuk pekerjaan tersebut. Bagi perempuan yang ingin maju dalam kerjaya, hanya segelintir sahaja yang mencapainya kerana ia menuntut mereka untuk mengorbankan banyak kepentingan yang lain. ”

Ramai perempuan yang bekerja menghadapi kesukaran untuk mengimbangi kehidupan di rumah dan di tempat kerja. 80% daripada mereka mengakuinya.

57% merasakan mereka terpaksa bersaing dengan rakan sekerja lelaki, manakala 55% lagi bersetuju bahawa lelaki mempunyai lebih banyak peluang di tempat kerja untuk memajukan kerjaya.


Daripada responden yang ditemubual, 53% mengaku bahawa mereka pernah menghadapi gangguan seksual di tempat kerja dan 55% lagi menghadapi cabaran untuk memakai tudung di tempat kerja.

## BERKONGSI TANGGUNGJAWAB DALAM RUMAH TANGGA

Dalam kebanyakan rumah tangga pasangan Muslim hari ini, suami dan isteri sama-sama mencari nafkah. Namun begitu, kajian menunjukkan bahawa urusan rumah tangga masih dibebankan ke atas isteri.


JADUAL 11 **SOALAN:** Siapakah yang bertanggungjawab menjalankan kerja-kerja rumah dalam keluarga?

● Suami    ● Isteri    ● Keputusan bersama    ● Ahli keluarga yang lain



83% responden menyatakan bahawa cabaran utama bagi seorang ibu adalah melakukan pelbagai tugas dalam satu-satu masa. 80% responden pula mengharapkan agar suami lebih bertimbang rasa dan saksama dalam mengagihkan tugas mengurus rumah tangga. Namun begitu, keupayaan untuk membicarakan tentang cabaran sebegini masih terhad kerana hanya 37% responden sahaja yang menyatakan bahawa masyarakat perlu dididik dan diberi kesedaran mengenai peranan suami sebagai suri rumah atau setidak-tidaknya berkongsi tanggungjawab yang selama ini hanya dipikul oleh isteri.

RAJAH 8 **SOALAN:** Apakah perkara yang anda rasa harus diperbaiki untuk mencapai kesaksamaan bagi kehidupan ibu-ibu Muslim?



## **PEREMPUAN BEKERJA SENTIASA DIPANDANG SERONG OLEH MASYARAKAT**

Sebagai perempuan yang berkerja, 68% responden merasa tertekan apabila masyarakat selalu beranggapan bahawa mereka lebih banyak meluangkan masa di tempat kerja berbanding bersama keluarga. 77% responden mahu masyarakat sedar dan tidak lagi memandang serong terhadap perempuan Muslim yang bekerja. 90% responden mahu menyeimbangkan masa antara pekerjaan dan keluarga dengan sebaiknya.

Kerja rumah yang tidak berbayar seperti menjaga anak-anak, membeli barang keperluan rumah, dan mengemas rumah mengambil masa yang banyak, namun tugas ini dipandang remeh oleh masyarakat. Responden yang bekerja berasa tidak puas hati kerana mereka sering dianggap terlalu "sibuk di rumah" oleh majikannya.

Majikan beranggapan perempuan yang sibuk melakukan tugas rumah kurang profesional dan kurang komited kepada kerjayanya. Dalam mengatasi masalah ini, 72% responden mahukan garis panduan kesaksamaan gender dan peraturan di tempat kerja diwujudkan. Ini boleh merungkai tanggapan yang salah dan sekaligus menegaskan kesaksamaan gender dari segi peluang kerjaya dan kenaikan gaji untuk kerja yang sama.

Dengan lebih ramai perempuan yang bekerja, kesedaran dalam pembahagian tugas secara adil dalam rumah tangga amat diperlukan. Apabila perempuan sahaja yang diharapkan untuk menguruskan rumah tangga dan menjaga anak, ini akan menghalang perempuan daripada bekerja dan menghadkan kemajuan kerjaya mereka. Malangnya, ini juga menjadi punca perbalahan dalam perkahwinan. Di Malaysia, isu ini tidak hanya berlaku kepada masyarakat Islam sahaja, tetapi kepada rumah tangga masyarakat lain juga.

### **RAJAH 9**

**SOALAN:** Apakah perkara yang boleh diperbaiki bagi menggalakkan kesaksamaan dalam kehidupan perempuan Muslim yang bekerja?



**90%**

mahukan pengurusan masa yang lebih seimbang antara pekerjaan dan keluarga



**77%**

ingin mewujudkan kesedaran dalam masyarakat supaya tidak memandang serong perempuan Muslim yang bekerja



**72%**

mahukan setiap organisasi mempunyai undang-undang atau panduan mengenai kesaksamaan gender di tempat kerja

## TOLERANSI ANTARA AGAMA DAN KAUM

Soal selidik ini juga mengajukan soalan untuk mengenalpasti tahap toleransi perempuan Muslim di Malaysia, terutamanya yang melibatkan kaum dan agama lain.

**JADUAL 12 SOALAN:** Apakah perasaan anda tentang amalan berikut, adakah ia boleh diterima atau tidak?

	% boleh diterima	SELATAN	UTARA	PANTAI TIMUR	TENGAH	M'SIA BORNEO	PUSAT BANDAR	BANDAR	LUAR BANDAR
Seseorang yang sentiasa mengutamakan solat lima waktu	98%	100%	97%	97%	97%	98%	99%	99%	97%
Lelaki yang lewat berkahwin	93%	94%	93%	88%	97%	96%	95%	94%	91%
Seseorang yang belum berkahwin dan membuat keputusan untuk mengambil anak angkat	91%	99%	90%	87%	90%	89%	91%	92%	90%
Memberi sedekah kepada seseorang yang bukan Islam	88%	92%	90%	68%	92%	98%	96%	88%	84%
Pasangan Muslim yang mengambil anak angkat bukan beragama Islam	79%	85%	78%	61%	90%	87%	80%	79%	79%
Lelaki yang tidak mahu berkahwin	72%	82%	68%	52%	73%	86%	72%	76%	66%
Berkahwin dengan pasangan yang berlainan agama	69%	86%	60%	42%	71%	89%	67%	71%	68%
Seorang yang bukan beragama Islam menghadiri upacara pernikahan di dalam masjid	65%	84%	58%	35%	69%	81%	68%	69%	59%

Mengikut data yang diperolehi daripada Jadual 12, interaksi antara agama adalah yang paling kurang diterima ramai. Menikahi seseorang daripada agama yang lain berada di tempat kedua terakhir dengan penerimaan secara keseluruhannya sebanyak 69% sahaja dengan responden dari Pantai Timur menjadi kelompok yang paling kurang bersetuju dan peratusan penerimaan mereka hanya sebanyak 42%. Membenarkan orang bukan Islam untuk menghadiri upacara pernikahan di masjid dianggap sebagai situasi yang paling tidak dapat diterima iaitu 65% secara keseluruhan. Responden dari Pantai Timur yang menerima orang bukan Islam masuk ke dalam masjid hanya sebanyak 35% sahaja. Secara keseluruhan, penduduk Semenanjung kurang menerima interaksi dengan agama berbeza. Manakala, penerimaan dan toleransi penduduk Sabah dan Sarawak adalah yang paling tinggi.

**JADUAL 13 SOALAN:** Apakah perasaan anda tentang amalan berikut, adakah ia boleh diterima atau tidak?

	% tidak boleh diterima	SELATAN	UTARA	PANTAI TIMUR	TENGAH	M'SIA BORNEO	PUSAT BANDAR	BANDAR	LUAR BANDAR
Seorang yang beragama Islam minum arak bersama kawan-kawan bukan Islam	87%	92%	82%	97%	78%	80%	84%	88%	86%
Mengamalkan agama mengikut kesesuaian secara praktikal, bergantung kepada situasi	75%	71%	79%	93%	73%	56%	80%	73%	76%
Seorang transgender yang berpakaian mengikut pilihannya	73%	73%	70%	89%	65%	65%	62%	79%	71%
Seorang yang beragama Islam menemani rakan bukan Islam makan di restoran tidak halal	61%	42%	69%	86%	68%	42%	57%	67%	56%
Seorang yang beragama Islam menghadiri upacara pengebumian di gereja	58%	47%	73%	88%	46%	24%	57%	59%	56%
Seorang yang beragama Islam menghadiri perkahwinan Hindu di kuil	54%	40%	65%	87%	50%	22%	58%	54%	53%

Jadual 13 juga menunjukkan perkara-perkara di atas lebih dapat diterima oleh responden dari Sabah dan Sarawak. Responden dari Pantai Timur paling kurang terbuka kepada perkara-perkara yang disebut di atas.

Kebelakangan ini, politik identiti yang tidak dikawal telah menimbulkan banyak keceleratan sehingga melaga-lagakan orang Melayu dengan orang bukan Melayu, dan orang Islam dengan bukan Islam. Buktinya boleh dilihat di sekeliling kita, dan hasil kajian di atas menunjukkan fenomena yang membimbangkan mengenai sikap masyarakat yang tidak bertoleransi antara satu sama lain. Jurang perpecahan antara kaum dan agama dalam masyarakat adalah kesan daripada tafsiran Islam yang mengawal, memaksa dan konservatif, dan keinginan untuk memaksa cara hidup Islam ke atas semua ahli masyarakat. Contohnya, Konvensyen Antarabangsa Penghapusan Diskriminasi Kaum (International Convention on the Elimination of All Forms of Racial Discrimination, ICERD), iaitu sebuah perjanjian persepakatan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dengan tujuan untuk mempromosi kesaksamaan kaum seluruh masyarakat antarabangsa telah disalah faham, dituduh dan dikecam sebagai instrumen yang akan menghapuskan hak keistimewaan orang Melayu dan Bumiputera Malaysia, serta mengancam kedudukan Islam sebagai agama rasmi negara. Hal ini telah menyebabkan kerajaan Malaysia menarik balik komitmen mereka daripada meratifikasi konvensyen<sup>17</sup> tersebut.

Beberapa bulan kemudian, Malaysia juga telah menarik diri daripada meratifikasi Statut Rom Mahkamah Jenayah Antarabangsa (ICC) yang digunakan untuk mendakwa penjenayah pembunuhan beramai-ramai, jenayah perang, dan jenayah terhadap kemanusiaan.

Penentangan terhadap konvensyen itu kononnya berasaskan persepsi yang ia akan mengancam institusi diraja dan menjelaskan kedaulatan negara<sup>18</sup>. Situasi sebegini dan banyak lagi insiden yang lain telah mengacu kepada meningkatnya konservatisme agama, sikap tidak bertoleransi dan menekan mereka yang bersuara menyeru ke arah Islam yang lebih progresif dan persekitaran politik yang melangkaui kaum dan agama.

Dengan melihat data di atas, dan ketika kita sedang membina sebuah masyarakat demokratik, langkah-langkah segera harus diambil untuk menangani agama dan kaum digunakan sebagai alat politik yang memecahbelahkan masyarakat. Setiap warganegara Malaysia mempunyai hak yang sama seperti yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan.



Rujukan 17:  
<https://www.nst.com.my/news/nation/2018/11/434078/why-malaysia-backpedalled-icerd-ratification>

Rujukan 18:  
<https://www.thestar.com.my/news/nation/2019/04/05/malaysia-withdraws-from-the-rome-statute>

## KESIMPULAN

Secara ringkasnya, kaji selidik ini menunjukkan kita perlu melakukan usaha yang lebih besar jika kita mahu perempuan Muslim diangkat ke tahap yang saksama dengan lelaki Muslim.

Hasil kaji selidik ini menyimpulkan bahawa:

**1**

Ketidakadilan gender lebih menonjol di peringkat individu, di mana perempuan mendapat tekanan kuat untuk memenuhi kehendak dan tanggapan orang lain. Mereka kurang bebas untuk membentuk dan menentukan peranan mereka sebagai anak perempuan, isteri, dan ibu. Perempuan Muslim mengalami diskriminasi yang lebih besar sebagai seorang isteri berbanding dengan peranan-peranan mereka yang lain.

**2**

Perempuan Muslim lebih tertekan untuk menunjukkan imej 'Perempuan Muslim sejati' dan ia bukan untuk kepuasan diri, tetapi untuk mengelakkan persepsi negatif daripada pihak lain, manakala lelaki pula tidak mendapat tekanan yang sama seperti perempuan.

**3**

Lazimnya perempuan Muslim mendapat pengetahuan agama secara tradisi. Didikan daripada ibu bapa dan pengajian agama di sekolah adalah sumber yang paling lazim dan ramai perempuan Muslim menerima ilmu tersebut tanpa banyak soal. Di samping itu mereka tidak berusaha untuk memahami dengan lebih terperinci mengenai hak perempuan dalam Islam.

**4**

Ramai perempuan merasakan agama digunakan untuk memihak lelaki sebagai gender yang lebih 'utama dan mulia', dan hal ini memberi tekanan kepada perempuan untuk menunjukkan 'imej perempuan Muslim yang benar'. Perkara ini dapat dilihat di rumah dan di tempat kerja.

**5**

Konsep kesaksamaan tidak bertentangan dengan Islam. Islam ialah agama yang adil dan saksama. Namun, amalan serta perilaku yang menindas perempuan yang kita lihat hari ini dipengaruhi oleh norma budaya dan masyarakat sekeliling yang dibiarkan berterusan.

Sisters in Islam komited untuk melindungi, memupuk, mengangkat kedudukan dan hak perempuan Muslim, serta mempertingkatkan taraf hidup perempuan agar hidup mereka menjadi lebih baik dan bermartabat. Sebagai sebuah negara ahli kepada komuniti hak asasi manusia antarabangsa, Malaysia mempunyai kewajipan untuk menegakkan keadilan dan kesaksamaan gender dan melaksanakan dasar yang diperlukan untuk menghapuskan diskriminasi terhadap perempuan.

Penglibatan perempuan amat penting dalam menjadikan masyarakat yang progresif dan inklusif, yang membolehkan perempuan menentukan hala tuju dan masa depan mereka di Malaysia.

Dalam konteks Islam politik, peningkatan ekstremisme agama dan politik identiti di Malaysia, kami menuntut secara konsisten agar pembaharuan Undang-undang Keluarga Islam mencakupi perkara-perkara berikut:

Aplikasi tafsiran Islam yang lebih progresif dalam hukum fiqh untuk mengukuhkan hak-hak perempuan Muslim dan kanak-kanak di bawah undang-undang Islam;

Menghentikan perkahwinan kanak-kanak di bawah umur 18 tahun;

Menghentikan persepsi negatif terhadap anak-anak tak sah taraf yang menderita dan menanggung malu kerana stigma akibat dinamakan 'bin Abdullah';

Memberikan hak penjagaan anak kepada ibu apabila berlakunya perceraian;

Menjadikan ro gol dalam perkahwinan sebagai satu jenayah;

Memperkuuh hak-hak isteri dan anak-anak agar keluarga sedia ada terlindung daripada beban kewangan dan emosi apabila suami berpoligami.

Menjadikan perkahwinan poligami dan perceraian di luar mahkamah sebagai satu kesalahan dan diikuti dengan hukuman yang berat;

Menggugurkan wang daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan pampasan insuran daripada pembahagian fara'id kerana ia mengurangkan pemilikan harta kepada pewaris perempuan yang masih hidup;

**“**Kesaksamaan gender membolehkan perempuan dan lelaki sama-sama dapat menikmati perkara-perkara yang bermanfaat, peluang, sumber dan ganjaran yang adil. Apabila ketidakadilan gender itu wujud, secara amnya perempuan akan dipinggirkan dan kurang mendapat peluang serta ruang dalam proses membuat keputusan dan akses kepada sumber sosial dan ekonomi. Oleh itu, satu aspek kritikal dalam mengangkat kesaksamaan gender adalah dengan memperkasakan perempuan dan menyeimbangkan hubungan kuasa antara lelaki dan perempuan. Perempuan seharusnya diberikan lebih autonomi untuk menguruskan kehidupan mereka sendiri.

Kesaksamaan gender tidak bermakna lelaki dan perempuan adalah sama, sebaliknya ia adalah untuk memastikan peluang dan perubahan hidup seseorang itu tidak ditentukan dan disekat hanya kerana perbezaan gender. Untuk mencapai kesaksamaan gender, kita perlu memperkasakan perempuan supaya proses membuat keputusan pada ruang peribadi dan awam, serta akses kepada sumber tidak dimonopoli oleh lelaki sahaja. Perempuan dan lelaki harus diberi peluang yang sama supaya mereka boleh mengambil bahagian sepenuhnya sebagai rakan kongsi yang setara dalam semua aspek kehidupan<sup>19</sup>.**”**

**Adalah sesuatu yang tidak boleh diterima dan tidak adil pada masa ini apabila undang-undang yang mendiskriminasi perempuan yang bukan beragama Islam digubal menjadi lebih saksama, manakala untuk perempuan Muslim, undang-undang yang digubal atas nama agama semakin membuat keadaan perempuan lebih buruk.**

Kesimpulannya, Malaysia sebagai sebuah negara sekular yang menghormati hak semua warganegara di bawah Perlembagaan Persekutuan dan sebuah negara yang menyokong kemajuan semua komuniti termasuk perempuan sedang berhadapan dengan ancaman konservativisme agama yang semakin meningkat.

Kita perlu berusaha untuk memastikan kesaksamaan gender dapat dicapai demi kebaikan dan kemakmuran negara dan kesejahteraan semua rakyat Malaysia.

Kesaksamaan gender menjanjikan sebuah persekitaran di mana semua orang dilayan secara saksama dan adil pada segenap ruang kehidupan. Mereka tidak akan didiskriminasi berdasarkan gender dan mereka mempunyai hak dan perlindungan yang sama di bawah undang-undang dan dasar negara. Kesaksamaan gender yang substantif mengutamakan impak dan hasil, oleh itu kerajaan bertanggungjawab untuk mewujudkan satu keadaan di mana undang-undang, dasar, tatacara, dan amalan mampu menghasilkan kesaksamaan untuk semua orang.

Kehidupan perempuan Muslim di Malaysia hari ini semakin ditekan dan dibebani dengan diskriminasi, penindasan, dan tanggapan sosial yang negatif dan dinormalisasikan dalam masyarakat. Malangnya suara mereka tidak didengari. Sudah menjadi kebiasaan di mana perempuan sering dituntut untuk berdiam diri dan tidak bercerita pengalaman buruk mereka kerana ia dianggap sebagai satu cabaran yang harus mereka hadapi. Dalam kebanyakan kes, perempuan yang berani bersuara telah menerima akibat yang keterlaluan seperti ancaman, penghinaan serta dipulaukan oleh keluarga sendiri. Justeru, perempuan cukup sedar bahawa kelantangan mereka melawan penindasan dan diskriminasi mempunyai risiko yang besar.

Disebabkan oleh keadaan sebegini, maka Sisters in Islam terus mewujudkan ruang untuk perempuan bersuara dan membicarakan tentang ketidakadilan hanya kerana mereka adalah perempuan Islam di Malaysia. Perubahan terhadap kesaksamaan bergantung kepada perubahan pemikiran, sistem kepercayaan, dan juga pembaharuan undang-undang, dasar dan struktur institusi negara.

Cabarannya yang kita hadapi adalah membina kesedaran pada semua lapisan masyarakat, supaya kita dapat berdialog dan membuat refleksi jujur tentang masa depan perempuan di Malaysia. Seterusnya, kita dapat memandu perubahan yang diperlukan bagi mencapai hasil yang terbaik buat generasi masa hadapan.

**“**Sesungguhnya para lelaki dan perempuan yang beragama Islam, yang beriman, yang tetap dalam ketaatan, yang benar, yang sabar, yang khusyu' (kepada Allah), yang bersedekah, yang berpuasa, yang memelihara kehormatannya dan yang menyebut nama Allah sebanyak-banyaknya, Allah telah menyediakan untuk mereka keampunan dan pahala yang besar<sup>20</sup>.**”**

(Surah 33, Al-Ahzab, ayat 35.)



---

Tinjauan ini dilakukan dengan tujuan untuk mendalami pengalaman dan realiti kehidupan perempuan Muslim di Malaysia sebagai anak perempuan, isteri, ibu dan pekerja. Laporan ini membuktikan bahawa ada banyak persepsi dan kepercayaan tradisional yang telah menyebabkan ketidakadilan gender antara perempuan dan lelaki.

Sisters in Islam (SIS) ialah sebuah organisasi masyarakat sivil yang percaya bahawa Islam sentiasa menegakkan Kesaksamaan, Keadilan, Kebebasan dan Maruah Kemanusiaan. SIS terdiri daripada perempuan dan lelaki Muslim yang berusaha untuk menegakkan hak-hak perempuan dalam kerangka Islam serta hak asasi manusia sejagat dengan memberi penekanan terhadap realiti sebenar kehidupan perempuan. Sejak penubuhan rasminya pada tahun 1993, SIS telah berjaya mewujudkan ruang selamat untuk masyarakat Muslim bersuara dan menguatkan lagi semangat untuk berjuang demi keadilan, hak asasi manusia dan demokrasi pada abad ke-21.

 [sis@sistersinislam.org.my](mailto:sis@sistersinislam.org.my)

 (+603) 7960 5121 • (+603) 7960 3357 • (+603) 7960 6733

 [@officialSIS](https://www.facebook.com/officialSIS)  [@sisterinislam](https://www.instagram.com/sisterinislam)  [@sisterinislam.my](https://twitter.com/sisterinislam.my)

[sistersinislam.org](http://sistersinislam.org)

---

Ipsos ialah syarikat penyelidikan pasaran ketiga terbesar di dunia, berada pada 90 pasaran dan mempunyai tenaga kerja lebih daripada 18,000 orang. Para penyelidik, penganalisis dan saintis kami telah membina keupayaan berbilang bidang yang menyediakan pandangan tentang tindakan, pendapat dan motivasi rakyat, pengguna, pelanggan atau tenaga kerja di Malaysia dan seluruh dunia.

Untuk tujuan penyelidikan ini, bahagian Hal Ehwal Awam IPSOS adalah pasukan yang dipilih oleh SIS. Bahagian ini meneraju bidang sosial dan pendapat penyelidikan. Kami menyediakan penyelidikan dan pandangan yang meyakinkan, dan boleh dilakukan untuk membantu pelanggan dari sektor swasta dan awam untuk menguruskan perkhidmatan dalam dunia yang pesat membangun dan berubah, baik pada dasar awam mahupun politik. Fokus IPSOS adalah dasar kerajaan, program, perkhidmatan dan infrastruktur, penyelidikan sosial, politik dan pendapat umum.


#### IPSOS

Tingkat 23, Centrepoint North  
Mid Valley City, Lingkaran Syed Putra,  
59200 Kuala Lumpur

 (+603) 2289 3000 • (+603) 2289 3600

[ipsos.com](http://ipsos.com)

e ISBN 978-983-2622-58-1



9 789832 622581